

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : **9 NOVEMBER 2012 (JUMAAT)**

Masa : **9.30 Pagi**

Tempat : **Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang**

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	(Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain)	Speaker
2.	(Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng)	Ketua Menteri/Air Putih
3.	(Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus)	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	(Y.B. Dato' Faiza Binti Zulkifli)	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	(Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait)	Pegawai Kewangan Negeri
6.	(Y.B. Dato' Mansor Bin Othman)	Timbalan Ketua Menteri I/Penanti
7.	(Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy)	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
8.	(Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)	Padang Kota
9.	(Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim)	Batu Maung
10.	(Y.B. Tuan Lim Hock Seng)	Bagan Jermal
11.	(Y.B. Tuan Law Heng Kiang)	Batu Lancang
12.	(Y.B. Tuan Phee Boon Poh)	Sungai Puyu
13.	(Y.B. Tuan Law Choo Kiang)	Bukit Tambun
14.	(Y.B. Tuan Wong Hon Wai)	Air Itam

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
15.	(Y.B. Puan Ong Kok Fooi)	Berapit
16.	(Y.B. Dato' Tan Hock Leong)	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
17.	(Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee, AMN)	Sungai Bakap
18.	(Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady)	Bagan Dalam
19.	(Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man)	Permatang Pasir
20.	(Y.B. Tuan Ng Wei Aik)	Komtar
21.	(Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)	Paya Terubong
22.	(Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)	Tanjong Bunga
23.	(Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh)	Datok Keramat
24.	(Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)	Padang Lalang
25.	(Y.B. Tuan Ong Chin Wen)	Bukit Tengah
26.	(Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)	Pantai Jerejak
27.	(Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	Seri Delima
28.	(Y.B. Tuan Koid Teng Guan)	Sungai Pinang
29.	(Y.B. Tuan Lau Keng Ee)	Pengkalan Kota
30.	(Y.B. Tuan Tan Beng Huat)	Jawi
31.	Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam)	Batu Uban
32.	(Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya)	Telok Bahang
33.	(Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid)	Telok Ayer Tawar
34.	(Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed)	Sungai Dua
35.	(Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin)	Pinang Tunggai
36.	(Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)	Seberang Jaya
37.	(Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad)	Pulau Betong
38.	(Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria)	Sungai Acheh

TIDAK HADIR

- | | | |
|----|--|--------------------|
| 1. | (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) | Pulau Tikus |
| 2. | (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) | Kebun Bunga |
| 3. | (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) | Penaga |
| 4. | (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad) | Bayan Lepas |
| 5. | (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Haji Yahaya) | Permatang Berangan |
| 6. | (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) | Bertam |

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Speaker.

Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Membaca doa.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan bersidang semula, silakan Y.B. Penanti.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker. Yang Berhormat dihormati sekalian, saya ingin sambung penggulungan yang dimulakan kelmarin. Dan hari ini saya nak mulakan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Bakap berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh JKKK. Y.B. Sungai Bakap bertanya apakah peranan yang dimainkan oleh JKKK terutama dalam hal-hal pendidikan dan juga keselamatan dan bagaimana dasar-dasar Kerajaan Negeri dapat disampaikan pada penduduk oleh JKKK.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya bersetuju dengan Y.B. Sungai Bakap yang JKKK mempunyai peranan besar dalam pembangunan Negeri, terutamanya di peringkat tempatan dan juga setuju dengan beliau yang menyatakan aspek-aspek pendidikan dan keselamatan diperbaiki lagi peranannya oleh JKKK. Kita perlu memberi usaha-usaha tambahan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan JKKK dalam aspek pendidikan dan keselamatan. Justeru dalam usaha untuk memperbaiki dan menambahbaikkan pengurusan JKKK di seluruh Negeri, maka pihak Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah, di antaranya mengadakan kursus dan juga seminar yang dijalankan atau pun dikendalikan oleh agensi-agensi teknikal Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan dan juga jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan urusan Pentadbiran JKKK di peringkat Daerah.

Kita juga mewujudkan koperasi, kita galakkan JKKK menubuhkan koperasi bagi meningkatkan JKKK supaya mereka berdikari dalam usaha mencari dana dan juga mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi ahli-ahli mereka. Dan dalam aspek keselamatan juga, kita minta pihak JKKK bekerjasama dengan Pulau Pinang yang baru diwujudkan malah ada *over lap*

atau pun pertindihan yang agak ketara di antara JKKK dan juga pasukan Pulau Pinang untuk mengawal keselamatan di kawasan masing. Dalam hal itu juga, Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi profesionalisme dan juga mutu perkhidmatan JKKK, kita telah lancarkan satu sistem komputer berkenaan dengan JKKK dengan nama e-JKKK. Jadi sistem ini baru dilancarkan dan saya difahamkan ini merupakan satu sistem yang pertama, malah di seluruh Negara kita wujudkan untuk mengemaskinikan data-data JKKK bukan sahaja data peribadi, tapi juga untuk aktiviti dan juga program mereka di Negeri supaya apabila hendak melakukan penilaian atau pun pelantikan semula, maka mudah ianya menjadi rujukan. Itu berkenaan dengan Sistem e-JKKK.

Seterusnya Y.B. Dato' Timbalan Speaker, miskin tegar juga menjadi persoalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Bahang dan dalam hal ini, sukacita dinyatakan masalah miskin tegar di Pulau Pinang ini telah pun berjaya diselesaikan bermula pada tahun 2009 lalu melalui program pembasmian kemiskinan tegar Negeri Pulau Pinang. Menerusi program ini, rakyat Negeri Pulau Pinang yang mempunyai Pendapatan Garis Kemiskinan atau pun PGK, yang telah dikenal pasti sebanyak RM500.00 pada mulanya, kemudian dipernaiikkan kepada RM600.00 dan baru-baru ini dalam ucapan Belanjawan atau pun Bajet yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, garis kemiskinan ini telah pun dinaikkan kepada RM770.00. Ini sejajar dengan satu kajian yang telah dijalankan oleh Pihak IKMAS, yang telah menetapkan garis kemiskinan di seluruh Malaysia, sebanyak RM738.00.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, terima kasih. Y.B. Penanti, saya ingin tahu sebab angka yang memberitahu bahawa miskin tegar Pulau Pinang bagi tahun 2012 iaitu berjumlah pada bulan Januari 770 kemudian berakhir pada bulan Disember 721. Dan untuk tahun 2012, bulan Januari 721 dan sehingga ke Jun 816, September 833 keluarga. Jadi kaedah yang digunakan Kerajaan Negeri adalah mengguna sistem *top up* dan sebagainya. Adakah kaedah-kaedah lain yang digunapakai kerana kita risau kita memberikan ikan, kadang-kala ikan tak sampai. Jadi apakah kaedah yang mengajar memancing yang Y.B. Penanti yang ada. Sebagai tambahan, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Seberang Jaya, untuk *revise* sedikit lagi angka itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah penerima bantuan program pembasmian kemiskinan tegar adalah sebanyak 833 keluarga, seperti yang disebutkan oleh Ahli Seberang Jaya tadi. Manakala senarai keluarga miskin berdasarkan rekod yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebanyak 2,856 keluarga. Jadi sehubungan

dengan itu, dalam ucapan Bajet seperti yang disebutkan tadi, sasaran untuk menghapuskan golongan miskin di Pulau Pinang pada tahun 2013 hanya merupakan sasaran baru Kerajaan Negeri setelah sasaran menghapuskan masalah miskin tegar telah berjaya dicapai dalam tahun 2009. Jadi bagi menghapuskan golongan miskin di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meningkatkan kadar PGK seluruh isi rumah kepada RM770.00 berbanding RM720.00 yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi selain daripada bantuan kewangan berbentuk *top up*, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan membaiki dan membina rumah bagi golongan miskin tegar dan juga miskin dengan peruntukan RM1.25 juta untuk kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Saya cuma nak minta penjelasan daripada Y.B. Penanti, ada tak masalah di dalam hal membahagikan *top up* ini? Kepada masyarakat di bawah terutamanya di Daerah SPU. Ada masalah tak yang dihadapi? Ada yang tak dapat dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Pulau Betong. Untuk program ini, pelaksanaan program ini dijalankan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah portfolio Y.B. Phee Boon Poh. Jadi saya percaya kesemua pendaftaran dan juga proses pelaksanaannya dilakukan hingga ini belum timbul masalah-masalah yang ini. Jadi dalam hal ini, Kerajaan Negeri juga telah meminta semua terutama sekali peringkat JKKK dan juga di setiap daerah untuk mendaftarkan anggota masyarakat yang kita dapati memiliki atau pun memperolehi pendapatan yang kurang daripada PGK yang kita baru tetapkan. Jadi usaha ini dijalankan secara berterusan, tiap-tiap kali kita berjumpa dengan pimpinan akar umbi, maka diberi penjelasan supaya ini disebarkan dengan meluasnya supaya kita tidak mahu lagi ada orang di Negeri Pulau Pinang ini tinggal di bawah garis kemiskinan. Kita juga harap semua pihak memberi kerjasama dan juga mengharap Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang juga turut memberi kerjasama untuk kita menjayakan program ini supaya rakyat kita di Negeri Pulau Pinang ini tidak lagi berada di bawah paras kemiskinan dan tegar seperti yang kita gariskan ini. Terima kasih. Silakan YB Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, Y.B. Kawasan Penanti, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tadi Y.B. Penanti ada menyebut bahawa di bawah daftar untuk bantuan kemiskinan terdapat 2,000 lebih, saya tak ingat, saya di luar, diberi

bantuan untuk Negeri Pulau Pinang dan dalam jawapan yang diberi, soalan bertulis ada juga dimaklumkan lebih daripada 7,000 ibu tunggal yang telah berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Bolehkah dimaklumkan kepada dewan ini, dari jumlah yang dibantu, berapakah bilangan ibu-ibu tunggal dan seperti mana yang disebut oleh rakan saya tadi, ibu-ibu tunggal ini pun boleh dikategorikan ada yang dah tak produktif dan ada yang masih produktif terutama sekali ibu-ibu tunggal yang menanggung keluarga dan mempunyai anak-anak. Apakah program atau pun bentuk kaedah untuk membantu mengeluarkan mereka daripada keadaan kemiskinan, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar, saya percaya ini akan diterangkan pada dewan ini oleh Y.B. Phee Boon Poh, dalam hari ini, tapi suka dimaklumkan yang program warga emas dilanjutkan, juga bukan sahaja pada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas tetapi kepada ibu tunggal, ini yang disebut Dato' Hajah Jahara tadi, ibu tunggal dan juga OKU jadi angka-angka seperti yang diminta oleh Pinang Tunggal akan dijawab sebentar lagi, *insya-Allah*.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menambahkan sedikit usaha-usaha yang dilakukan untuk memperkasakan ummah di Negeri Pulau Pinang ini walaupun Y.B. Batu Maung semalam ini diserang bertubi-tubi untuk mengatakan dalam usaha-usaha untuk mempertingkatkan ataupun memperkasakan ummah di Negeri Pulau Pinang ini. Usaha yang dilakukan berbagai-bagai termasuk seperti yang dilaksanakan melalui portfolio Agama, yang akhir sekali yang kita cuba buat, yang ini, yang saya sentuh tentang pilihan raya masjid. Ini seperti yang diterangkan usaha ini adalah konsisten dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mendemokrasikan pengurusan pentadbiran seluruh masjid Negeri Pulau Pinang. Ini juga sejajar dengan usaha yang dilakukan untuk memberi erti dalam pendemokrasian dalam Pihak Berkuasa Tempatan juga, sebab itu kita juga *table* ataupun syorkan untuk diadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Sehubungan itu untuk pengurusan masjid-masjid dengan lebih profesional supaya ianya diurus tadbir dengan lebih baik kita nak orang yang betul-betul berkeupayaan dan dapat sokongan ramai daripada anak-anak kariah untuk mengendalikan masjid ini. Ada beberapa aspek yang perlu kita beri perhatian terutamanya dalam aspek pengurusan dana, umpamanya, kita dapat tahu yang dalam masjid Negeri Pulau Pinang ini ada setengah-setengah masjid, ada dana begitu banyak beratus, ribu, ada yang jutaan juga tapi tidak diguna dengan sepenuh dan sebaik-baiknya, semaksimumnya. Contoh satu saja tentang kebersihan tandas, kita cukup sedih apabila kita lihat kebersihan tandas-tandas seluruh Negeri dan juga masjid, surau ini tidak tahap yang

memuaskan, ini satu aspek yang kecil saja, walau pun kebersihan ini menjadi tumpuan menjadi fokus utama sepatutnya bagi ajaran agama, tetapi.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan, kebersihan masjid termasuk tandas, selama ini kebersihan masjid, tandas ini diuruskan oleh Tok Siak, dan Tok Siak diberi elaun yang sangat kecil, elaun kecil, ini mana dia tak dapat mengendalikan dengan lebih baik, adakah hasrat Kerajaan Negerinak tambah elaun untuk Tok Siak. Yang kedua adakah kita terfikir supaya soal kebersihan masjid ini, kita bagi kepada syarikat-syarikat swasta untuk membuat pembersihan supaya dengan cara itu dapat kebersihan lebih terjaminlah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Sungai Dua, itu pun menjadi harapan kita, malah Kerajaan Negeri baru sahaja umumkan dalam dewan yang lepas dalam aspek kebersihan ini kita akan memberi imbuhan tambahan di seluruh Negeri Pulau Pinang yang merangkumi dua (2) aspek, pihak Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan satu lagi di masjid-masjid dan ianya akan mengambil kira apa yang dibangkitkan oleh Sungai Dua, tapi apa yang penting, saya nak bangkitkan di sini ialah tak guna ada duit beribu-ribu, beratus-ratus, ataupun berjuta tetapi nak peruntukan sedikit seperti Sungai Dua kata tadi, untuk memberi imbuhan tambahan kepada Tok Siak umpamanya pengurusan masjid patut peka tentang hal itu, patut beri perhatian, itu yang kita nak wujudkan, sebab itu kita nak masjid dan surau ini, dikendalikan oleh orang-orang, yang betul-betul profesional, betul-betul erti tentang pengurusan tadbir.

Justeru itu kita menganjurkan beberapa kursus, kursus multataqa, kepimpinan surau dan masjid yang dikendalikan oleh Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Maipp dan juga Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan profesionalisma ini. Sehubungan dengan itu sukacita juga dalam akhir penggulungan ini, saya nak sebutkan usaha-usaha tambahan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memperkasakan ummah di Negeri Pulau Pinang selain yang disebutkan oleh Batu Maung semalam ini.

Ini berkaitan satu lagi pembangunan *Muslim Enclave* di dalam George Town ataupun dalam World Heritage di sekitar George Town dalam kesempatan ini, saya ingin menjelaskan usaha yang dilakukan oleh Yayasan Islam oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam untuk pembangunan ummah di Negeri Pulau Pinang ini melalui sebuah jawatankuasa yang kita wujudkan khas untuk merancang, untuk membangunkan semula kawasan

Muslim Enclave yang meliputi kawasan Lebuh Aceh, Lebuh Armenian, Lebuh Park Kye Hen, dan memandangkan kawasan ini merupakan *core zone*, zon teras bagi tapak warisan dunia UNESCO, jadi justeru pembangunan kawasan ini akan menumpukan kepada pembangunan pelancongan warisan dan pelancongan Muslim, jadi projek pembangunan semula kawasan ini, akan dapat membantu industri pelancongan di kawasan George Town khususnya.

Di antara komponen-komponen penting dalam perancangan *enclave* ini adalah membangunkan semula Muzium Islam Pulau Pinang, yang dicadangkan ditukar nama kepada galeri Al-Atas di Lebuh Armenian, dan galeri ini, kemudiannya akan menjadi pusat rujukan dan kajian mengenai perkembangan Islam di Pulau Pinang, galeri ini juga akan dapat mempromosikan budaya dan adat resam, istiadat Melayu Islam di Pulau Pinang kepada pelancongan dalam dan luar Negara. Komponen kedua yang kita rancang dalam kawasan *muslim enclave* ini, adalah galeri khat, program ini dijangkakan dapat menyuburkan semula warisan khat Islam meliputi pelbagai jenis kraf nusantara, China, Arab dan kontemporari, jadi galeri khat ini akan jadi tumpuan pelancong dan orang ramai memandangkan keunikan kraf yang akan dipamerkan di galeri ini dan dengan adanya galeri kraf ini akan dapat menyemarakkan semula warisan khat Islam bukan sahaja di Pulau Pinang malahan di seluruh kawasan nusantara ini.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti bangunan MARA di Lebuh Buckingham untuk dijadikan pusat aktiviti bagi masyarakat Islam di George Town, dan ini memandangkan kesukaran masyarakat Islam di kawasan George Town untuk mengadakan kenduri-kendara, majlis keramaian dan aktiviti lain disebabkan tiada tempat untuk beraktiviti. Justeru dengan adanya pusat ini nanti, dapat membantu masyarakat Islam khususnya di George Town untuk menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Yang Berhormat Penanti.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Silakan Yang Berhormat, Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya mengalu-alukan program yang dirancang macam muzium *Islamic* itu telah ada, itupun ada di situ, dan akan dilihat semula dan sebagainya, saya

nak tahu apakah konteks warisan, apakah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri melihat semula tentang pembangunan Batu Uban yang merupakan tapak sejarah awal Melayu dan Islam di Pulau Pinang ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih, sebelum saya menjawab itu, bagi saya habiskan sekejap ya, saya akan *go to that*. Jadi di samping itu, usaha sedang dijalankan untuk dipopularkan kariah Lebuh Acheh dan juga kawasan sekitarnya seperti di Kapitan Square, jadi usaha-usaha untuk menghidupkan kembali, kedai dan bazar perniagaan ini diharap agar dikembalikan kegemilangan ummah di kawasan Muslim *enclave* ini. Bagi tujuan promosi Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pulau Pinang menganjurkan latihan dan kursus pada pemandu pelancongan pada keunikan warisan Islam di kawasan Muslim *enclave* dan Kerajaan Negeri juga akan mengeluarkan risalah penerbitan yang akan menarik minat pelancong ini dan projek ini, diharapkan akan memainkan peranan serampang dua mata iaitu membantu usahawan Muslim di kawasan Muslim *enclave* ini dan memastikan kawasan pelancongan Islam di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi manfaat rakyat Negeri Pulau Pinang.

Bagi untuk soalan yang dibangkitkan oleh Pulau Betong tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita sekarang ini sedang berunding dengan beberapa pihak untuk melihat, mengkaji tentang kedudukan warisan di Batu Uban itu. Saya berasa keberatan hendak sebut juga, tapi terkilang sebab ada satu projek perumahan di situ yang kita sedang berunding, projek ini yang melibatkan di Batu Uban yang mengkehendaki penduduk-penduduk Batu Uban ini dipindahkan keluar, jadi kita telah berunding, panggil berunding dengan pemaju ini, supaya beri perhatian tentang ini supaya penduduk-penduduk di situ tak dipindah keluar, maknanya boleh dapat diselesaikan, satu pendudukan yang tetap di situ dengan bangunan perumahan yang dirancang, begitu sempurna untuk memberi perhatian, kepada penduduk-penduduk supaya tidak ada *displacement* di Batu Uban.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri menulis surat kepada pihak warisan negara dalam hal ini bukan saja di Batu Uban tapi juga di Tanjong Tokong, oleh sebab penduduk kampung Tanjong Tokong. Jadi jawapan-jawapan yang konkrit belum lagi kita dapat daripada Kementerian Warisan, Pembangunan Negara. Namun demikian usaha di Batu Uban khususnya, sedang kita berbincang dengan beberapa pihak, daripada NGO, dengan penduduk tempatan untuk kita kaji konsep keseluruhannya tentang pembangunan warisan di Batu Uban, terutama sekali dalam aspek sebuah masjid yang agak tua, yang tertua di Negeri Pulau Pinang di Batu Uban dan juga kita difahamkan ini merupakan *settlement* yang pertama, yang dilakukan di Negeri Pulau Pinang ini kalau kita tengok sejarah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Y.B. Penanti, memandangkan belum ada apa-apa lagi kelulusan konkrit, keputusan yang muktamad dibuat di antara pemaju ini, mengapakah Kerajaan Negeri mengambil alih projek ini? Membeli tanah itu mengambil alih dan membangunkan sendiri, mungkin itu lebih sesuai kerana Kerajaan Negeri tahu apa kehendak penduduk daripada pemaju yang mungkin mementingkan kepada keuntungan semata-mata.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih, saya kalau boleh Pulau Betong pun bantu sama dalam aspek ini, projek ini adalah projek pemaju UMNO, jadi kalau boleh bantu kita dalam aspek ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Penanti tidak bangkitkan UMNO dan sebagainya, kita serius dalam hal ini untuk pastikan kawasan itu dijaga saya bercakap Kerajaan Negeri, saya tak cakap Pakatan kah, DAP kah, PKR, saya cuma pendapat saya kalau Kerajaan Negeri nak mengambil alih kenapa nak dikaitkan dengan UMNO dan sebagainya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih YB Penanti, dia sebut UMNO pasal dulu dia memang UMNO lah, jadi masih lagi sayang dengan UMNO. Tentang masjid Batu Uban ini tarikh 1743, jadi awal daripada Francis Light lah, saya harap elok Kerajaan Negeri tengok semula sejarah masjid ini dan cari lah mungkin dalam USM mungkin ada pakar-pakar yang boleh bagi maklumat tentang sejarah masjid ini. Yang kedua tentang kawasan *heritage* yang di George Town Buckingham kawasan itu, memang kawasan yang paling unik saya kira, semua agama ada di situ dan memang patut kawasan ini buat satu destinasi khas untuk *religious stay*, ada gereja, tokong, masjid semua ada situ. Ini satu perkara amat unik dan patut dipromosi termasuk dekat Masjid Batu Uban tadi jadi orang yang berminat bidang ini dia akan pergi tengok cultural unik daripada dulu lagi di Pulau Pinang ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Pulau Betong dan Telok Bahang kerana memberi kerjasama kepada kita untuk merealisasikan zon warisan di beberapa tempat

yang disebutkan tadi dan untuk makluman saya percaya yang Masjid Batu Uban sudah pun diiktiraf sebagai bangunan warisan dalam senarai Kementerian permohonan warisan di Negeri Pulau Pinang ini. Y.B. Dato' Timbalan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sedikit penjelasan berkenaan Yayasan Islam. Saya nampak ada tadi program dan aktiviti untuk Yayasan Islam tetapi kita sekarang hendak tahu sehingga kini berapa dana yang telah Yayasan Islam ini ada dan kedua adakah Kerajaan Negeri memberikan dana kepada Yayasan Islam?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Dua. Kerajaan Negeri memang ada memberi dana untuk Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang. Memang kita dapat dana awal daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Berapa jumlahnya?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kita akan mintalah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Berapa jumlah yang diberikan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kita mulakan dengan RM1 juta. *Insyallah* saya percaya bergantung kepada program-program yang kita laksana, maka ianya akan dapat dilaksanakan dan di antara program-program dalam empat (4) *in line* yang ingin kalau saya hendak sebutkan satu dalam perancangan yang terdekat ialah Hospital Islam di Bayan Baru. Ini seiringan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan *medical tourism* di Negeri Pulau Pinang ini yang mendapat sambutan yang begitu baik. Yang Berhormat Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sikit lagi. Siapa Pengerusi Yayasan Islam sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Dipengerusikan oleh saya sendiri. Jadi ingin menamatkan penggulungan ini dengan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan kita ini dan saya mengucapkan semoga kita dapat bertemu kembali di tahun depan dengan izin *Allah* kita dapat bertemu lagi di tahun depan *insya-Allah* di dalam Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya hendak ucapkan Selamat Deepavali kepada rakan-rakan yang menyambut Deepavali dan juga Selamat Menyambut Maal Hijrah bagi tahun ini. Sekian, Y.B. Dato' Timbalan Speaker. *Wabilahhitaufik, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2013. Khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang melibatkan semua portfolio EXCO-EXCO Kerajaan Negeri. Sepanjang sesi perbahasan yang lalu telah banyak perkara yang ditimbulkan Kerajaan Negeri akan beri perhatian terhadap semua teguran, cadangan-cadangan yang dikemukakan bagi memastikan pelaksanaan Bajet 2013 dengan maksudnya dalam memberi kesejahteraan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Penggulungan pada kali ini adalah yang terakhir dari sidang DUN pada tahun ini sebelum pilihan raya akan datang dan sekiranya tidak sempat DUN jawab semua sebab kita cuba habiskan sebelum sembahyang Jumaat hari ini, saya akan berikan secara bertulis tapi sebelum saya memulakan ucapan saya, saya hendak mengucapkan ucapan takziah kepada Y.B. Berapit kerana semasa sesi persidangan beliau telah kehilangan ayah kesayangannya, so bagi pihak bukan saja pihak Kerajaan Negeri tetapi juga daripada pihak sebelah sana. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Deepavali Valthugal kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu yang akan meraikannya pada 13 November tahun ini. Tidak lupa Selamat Menyambut Awal Muharam bagi penganut beragama Islam yang akan menyambutnya pada 15 November kelak.

Kedua, minggu ini adalah satu (1) minggu yang penting dan bersejarah untuk dunia kerana melihat pemilihan dan peralihan kuasa pucuk pimpinan di dua (2) buah negara ekonomi terbesar dunia iaitu Amerika Syarikat dan

Negara China. Kemenangan sekali orang berkulit hitam pertama menjadi Presiden Amerika Syarikat iaitu Presiden Barack Hussein Obama untuk penggal kedua merupakan satu kemenangan ke atas kebencian kemenangan ke atas sikap ekstremis, kemenangan ke atas mereka yang cuba memecahbelahkan berdasarkan perkauman. Sungguh pun Presiden Obama berlawan dengan wakil Wallstrich beliau menang kerana memberi harapan kepada rakyat Amerika Syarikat bahawa adalah lebih penting untuk berdagang daripada berperang, mencapai persefahaman daripada bermusuhan, menubuhkan masyarakat madani *exclusive* berbanding masyarakat *extremist* yang *exclusive* serta maruah rakyat lebih penting daripada politik wang kroni-kroni. Semoga harapan yang sama juga dapat dicapai di tanah air yang kita cintai iaitu Malaysia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Bolehkah kita mengharapkan di Malaysia juga kalau ada parti-parti yang menang dan kalah supaya tidak memburuk-burukkan negara sendiri. Kita ikut contoh seperti Obama selepas menang dan kalah Presiden, sebelah sana pun mereka masih menyayangi negara. Kita minta kalau boleh jangan ada sikap-sikap sedemikian seiring dengan apa Yang Amat Berhormat kata tadi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya harap Y.B. Seberang Jaya, saya akan cuba beri laluan tapi harap boleh hormati peraturan mesyuarat dengan meminta laluan dahulu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ya. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu harapan saya kerana ini bukan kali pertama kerana tiba-tiba pula mencelah. Tentu saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita harus bercakap benar, kalau berlaku peralihan kuasa kita harap pun, kalau Pakatan Rakyat di Putrajaya harap Barisan Nasional akan terima hakikat ini dan membenarkan peralihan kuasa secara lancar membolehkan Dato' Seri Anwar menjadi Perdana Menteri.

Di sini Y.B. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memperkenalkan AES iaitu Agenda Ekonomi Saksama yang saya rasa adalah satu perbandingan yang amat menyerlah dengan AES Barisan Nasional yang lebih bersifat kroni kerana memastikan kroni-kroni tertentu mengaut keuntungan atas kesakitan atau penderitaan rakyat. Itu sebabnya Kerajaan

Negeri Pulau Pinang telah menghalang pemasangan 56 buah kamera 1Malaysia AES di seluruh Pulau Pinang kerana tidak mahu 1.6 juta rakyat Malaysia dimangsakan oleh golongan penghisap darah ini. Kita tidak menentang penguatkuasaan, tapi dari segi sistem komisen yang telah pun diterima pakai untuk membolehkan syarikat-syarikat tertentu mengaut keuntungan, saya rasa adalah sesuatu yang telah menimbulkan kemarahan rakyat kerana penguatkuasaan adalah kuasa mutlak sesebuah Kerajaan dan tidak seharusnya dijadikan sebagai satu alat untuk kroni-kroni tersebut mengaut keuntungan. Seperti sedia maklum dari banyak saman yang dikeluarkan lagi banyak keuntungan komisen yang akan diperolehi dan bagi bajet Pakatan Rakyat kita harap dalam AES ini kalau boleh kita boleh dapat sokongan daripada semua ADUN termasuk daripada sebelah sana, untuk menyokong usaha murni Kerajaan Negeri menghapuskan kemiskinan pada tahun depan.

Pada masa yang sama kalau boleh selain daripada menyokong AES Kerajaan Negeri. Agenda Ekonomi Saksama boleh menentang AES trafik kerana itu tidak memberikan manfaat kepada rakyat Pulau Pinang. Marilah kita sama-sama menyokong AES Kerajaan Negeri dan menentang AES "*Automatic Enforcement System*" yang dipakai oleh pihak Kementerian Pengangkutan kerana tidak memberikan manfaat kepada rakyat. Saya masih tidak tahu apakah pendirian pihak pembangkang tentang AES yang dipakai kerana kita lihat bahawa ada setengah pihak daripada UMNO menentang tetapi ada pihak yang menyokong so kita pun tidak tahu muka mana yang sebenarnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sikit penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya pun hairan pagi-pagi ini Y.A.B. Ketua Menteri masuk-masuk untuk menggulung tentang Bajet ini, tiba-tiba bercakap tentang hal bersangkutan dengan Federal, soal-soal pelaksanaan AES dan sebagainya sepatutnya soal ini Yang Amat Berhormat sebagai seorang Ahli Parlimen boleh bercakap di Dewan sana, bagi kami rasa Yang Amat Berhormat lebih menumpukan kepada soal-soal tentang Bajet penggulungan pada pagi ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Sungai Dua. Sungguhpun saya telah menyatakan pendirian saya di Parlimen, tetapi kita pun tahu bahawa Kerajaan Negeri ada kuasa untuk menentukan pemasangan AES, itu sebab saya membangkitkan di sini kerana AES kalau bukan dipasang di Pulau Pinang memang kita boleh timbulkan di Parlimen, tetapi ia pun akan datang ke sini juga kalau Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak menghalang ia dipasang mungkin Yang Berhormat Sungai Dua sudah kena saman. Betulkah? Itulah yang saya sebut di sini bahawa kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berjiwa rakyat kita tidak mahu AES yang susahkan rakyat, kita mahu AES yang bantu semua rakyat, itu sebab saya meminta dengan secara ikhlas untuk mendapat sokongan AES bajet Kerajaan Negeri supaya kita dapat bersama-sama menghapuskan kemiskinan pada masa yang sama kita menentang AES yang saya rasa amat menyusahkan rakyat sekiranya ia dipasang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Penjelasan sikit pasal AES. Terima kasih. Pagi ini Ketua Menteri yang akan membahas sehingga tengah hari. Jadi cakap pasal AES ini memang pelbagai reaksi daripada sebelah sana dan sini memang pelbagai reaksi. Termasuk Pemuda UMNO sendiri pun mahu supaya sistem ini dikaji semula makna reaksi di kalangan kita berbeza-beza, tapi yang penting yang kita tahu yang diberitahu kepada kita bahawa AES di Negeri lain memang pelaksanaan sistem ini dapat mengurangkan secara drastik kemalangan jalan raya ini. Kedua, saya tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri berhak untuk hendak menghalang AES dipasang di Negeri kita Pulau Pinang ini kerana bukan semua Jalan Negeri ada Federal ada yang plus, *highway* semua saya tidak tahu, Ketua Menteri kata boleh halang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Pertama sungguhpun Y.B. Telok Bahang menyebut bahawa ada pemimpin UMNO menentang AES, tapi kita kena ingat AES diluluskan oleh Kabinet yang dipimpin oleh Presiden UMNO sendiri. Jelas sekali bahawa sungguhpun UMNO tidak mahu di depan tapi sebenarnya di belakang ialah UMNO bersama dengan MCA dan GERAKAN menyokong AES. Ini tidak boleh lari sungguhpun ada satu (1), dua (2) orang yang mengatakan bantahan sehingga sekarang saya sudah dapat tahu apakah pendirian ADUN-ADUN di sebelah sana, adakah Telok Bahang sokong AES Trafik? Adakah Seberang Jaya dan Sungai Dua sokong? Tidak menyatakan pendirian langsung. Ini yang pertama, kerana tahu ini memang telah diluluskan oleh UMNO dan MCA dan BN tetapi tahu kemarahan rakyat itu sebab tidak mahu sebut pendirian. Selepas pilihan raya kita tahu kalau BN menang akan semua 831 dipasang sepenuhnya.

Kedua tentang itu di luar Negara ia memang berkesan saya tak nafikan sebulat-bulatnya, kerana kalau kita sebut keberkesanan saya rasa yang timbul isu ialah cara syarikat kroni mendapat keuntungan daripada pengeluar yang sama itu dipertikaikan. Seperti yang kita sebut kita tak banyak isu tentu kena bincang tentang mereka yang langgar *traffic light*, tetapi kita ada isu tentang penetapan had laju di setengah-setengah jalan, ini harus diperbincangkan tetapi yang menjadi perkara utama perkara pokok ialah mengapa itu syarikat-syarikat tertentu boleh mendapat keuntungan begitu besar. Atas kesengsaraan atau atas penderitaan rakyat yang terpaksa membayar saman. Dan seakan-akan dan saman dikeluarkan dia lagi banyak untung. Ini menimbulkan banyak keraguan.

Yang terakhir isu sama ada Kerajaan Negeri mempunyai kuasa atau tidak. Memang Kerajaan Negeri rasa dari segi Pihak Berkuasa Tempatan kita mempunyai kuasa kerana mesti memohon Pelan Kebenaran Merancang. Dan ini pun diakui secara langsung apabila wakil-wakil mereka berjumpa pegawai kita. Oleh itu kita rasa memang jelas kalau tak perlukan Pelan Kebenaran Merancang kenapa mereka minta kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi sekiranya mereka cuba berpatah balik dan juga menukarkan pendirian bahawa tak perlukan kebenaran maka Kerajaan Negeri tidak akan terima atau tunduk kita bersedia membawa isu ini ke mahkamah untuk membela dan mempertahankan kedaulatan kuasa Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tadi Yang Amat Berhormat kata sistem ini baik satu sistem baik adakah Yang Amat setuju sistem yang dibuat di luar negara adakah sistem ini Yang Amat Berhormat setuju dan adakah Yang Amat Berhormat kata tadi bahawa cara perlaksanaannya tak berapa baguslah betul dan sebagainya, sebab itu kita harap kalau boleh kita minta supaya benda ini dikaji semula tentang cara perlaksanaannya, sistem adakah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat?

Y. A.B. Ketua Menteri:

Saya sebut tadi kita bahawa kita sekarang tak mempertikaikan keberkesanan kerana ini adalah perkara-perkara teknikal. Tapi sebelum kita boleh meneliti teknikal ini yang menjadi isu yang amat kontroversi ialah penetapan atau pun di setengah-setengah jalan ia ditetapkan had laju terlalu rendah sampai 50 hingga 60, macam mana boleh 50 hingga 60, kalau pandu 50 hingga 60 lebih baik tolak kereta belakang ini lebih baik. Itulah sebab yang dipertikaikan, tapi ini boleh *adjust...*(dengan izin). Tapi perkara pokok harus diselesaikan ialah komisen. Komisen yang menguntungkan syarikat-syarikat kroni dan diluluskan oleh kabinet. Sekarang disokong kuat oleh pihak Menteri-Menteri, semua Menteri tak seorang Menteri yang menyatakan ini buruk dan

sokong penuh di kabinet. Sekarang menghadapi kemarahan rakyat, barulah ada setengah pihak menyatakan kita kena lihat ini kena lihat itu. Tetapi ini semua untuk pinjam masa sahaja. Kerana kita tahu selagi pilihan raya masih belum diumumkan mereka tak berani buat. Selepas kalau Barisan Nasional menang kita tahu ia dilaksanakan sepenuhnya. Ini yang terakhir.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan Yang Amat Berhormat. Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk tak memasang AES lain apakah pendekatan lain Kerajaan Negeri untuk memastikan tidak berlakunya banyak kemalangan dan sebagainya.

Y. A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih. Saya agak terkejut sedikit Yang Berhormat Pulau Betong, memberikan gambaran sebelum AES macam tak ada sebarang penguatkuasaan dijalankan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan macam itu Kerajaan Persekutuan berhasrat guna pelbagai cara untuk mengurangkan kemalangan, tetapi Kerajaan Negeri tidak mahu AES itu. Saya hendak tahu apakah pendekatan Kerajaan Negeri? Cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Y. A.B. Ketua Menteri:

Itu yang saya sebut, ini memberikan gambaran macam tak ada penguatkuasaan sebelum ini. Saya rasa itu memang Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Parlimen telah menyatakan sungguh pun AES dipasang mereka masih akan menggunakan alat-alat itu pengesan kelajuan secara *mobile* yang akan digunakan oleh anggota trafik, ini menunjukkan sebelum AES memang ada sistem, kalau nak diperbaiki jangan digunakan sebagai alat syarikat kroni mendapat untung besar itu sesuatu yang tak betul.

Kalau nyatakan bahawa kerana kita tak tunjuk AES macam menghalalkan mereka yang melanggar peraturan trafik, saya rasa itu memang kurang matanglah. Kerana itu nanti kerana ini saya rasa bukanlah perkara pokok, perkara pokok yang saya sebut tentang syarikat kroni, mengapa ia boleh diluluskan begitu sahaja. Saya cadangkan beberapa teknikal harus dihalusi, jangan sebut kalau tak ada AES, macam tak ada penguatkuasaan dan jangan kata tak ada penguatkuasaan ini masih dijalankan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak kata tak ada penguatkuasaan, saya kata ini penambahbaikan daripada Kerajaan untuk menghalang mengurangkan kemalangan, kalau Kerajaan Negeri tak mahu cara ini apakah cara pendekatan lain dan rancangan dari Kerajaan Negeri untuk juga mengambil kerjasama untuk menambahbaikan dan mengurangkan kemalangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa memang kita alu-alukan sebarang penambahbaikan, tapi janganlah untuk menambah harta karun kroni-kroni itu tak setuju. Kalau kita nak lihat apakah penambahbaikan tanyalah trafik, trafik Polis dia pun ada cadangan penambahbaikan. Di sini daripada AES ada beberapa cadangan kita nak lihat AES biarlah kita *finetune*. Perkara pokok yang mesti dikeluarkan, ini tak ada kompromi langsung, ini syarikat kroni yang hisap darah rakyat ini mesti dibuang 100% in tak ada kompromi langsung dari aspek ini dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya harap Yang Berhormat boleh setuju. Sudah lama. Ini sekali yang terakhirlah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Terima kasih. Hari ini dalam suratkhbar Yang Berhormat Chua Soi Lek *dont fine offenders*. Dalam STAR dalam AES kerana dia kita eloklah kita bagi peluang kepada mereka untuk pengajaran *warning* baru ambil tindakan, bagaimana pendapat Yang Amat Berhormat boleh bagi *statement*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak tahu Yang Berhormat peminat Yang Berhormat Chua Soi Lek. Tak apalah. Kita ada peminat diri sendiri. Yang tentang cadangan Yang Berhormat Chua Soi Lek, beliau mencadangkan kita bagi *amnesty* untuk tiga (3) bulan untuk timbul tiga (3) hingga enam (6) bulan itulah mengukuhkan apa yang saya sebut tadi. Sebaik pilihanraya lepas akan dilaksanakan. Ini tiga (3) hingga enam (6) bulan hanya untuk pinjam masa supaya tidak dapat menimbulkan kemarahan rakyat itulah saya rasa memang muslihat dari pihak Barisan Nasional. Dan saya harap.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

First offender.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sama juga. Sama 300 kali saman. 300 kali saman tahu, tak boleh diskaun langsung. Dulu kita tahu kalau 90 ada bonus 10 km. Melebihi 100 baru kena baru bagi bonus sikit sekarang tak ada bonus langsung kena 0.1 kena. So di sini sekali kena 300 atau bagi BR1M RM500 apa guna bagi RM500 BR1M pun tak cukup bayar. Kena tambah balik lagi. Itu saya rasa yang harus dikaji semula dan dibuang tentang syarikat kroni yang saya sebut tadi.

Bajet Pakatan Rakyat AES (Agenda Ekonomi Saksama) amat memfokuskan strategi untuk mengurangkan ketidaksamaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negeri dapat dijana dengan baik supaya rakyat Negeri Pulau Pinang sama rata dan tidak dianaktirikan arus pembangunan Negeri. AES Pakatan Rakyat berjiwa rakyat ini berteraskan tiga (3) konsep kesaksamaan *propositional fairness*, *equal opportunity* dan *procedure offence*. Apakah *propositional fairness*? ...(dengan izin). *Propositional fairness* adalah untuk memastikan mereka yang rajin akan mendapat ganjaran yang lebih. Kalau mereka produktif mereka harus diberikan ganjaran atau pembayaran yang lebih kerana mereka lebih rajin atau lebih produktif. Ini adalah yang kita sebut *propositional fairness*.

Kedua, adalah peluang saksama. Peluang saksama supaya tidak ada yang terpinggir dan tertinggal hanya kerana tak memperolehi pendidikan kerana miskin tidak mempunyai peluang pekerjaan atau peluang kontrak Kerajaan kerana tidak mempunyai kabel politik atau tak dapat layanan Kerajaan kerana datang daripada sesuatu kaum agama atau pun sesuatu jantina, itulah memastikan peluang yang saksama.

Propositional fairness iaitu kesaksamaan prosedur ialah memastikan ketelusan, integriti dan akauntabiliti supaya kita dapat menegakkan kedaulatan undang-undang dan mengawal amalan rasuah dan penyelewengan daripada berleluasa. Memang ketiga-tiga konsep ini dihayati dalam urusan AES dan Pakatan Rakyat dalam urus tadbir C.A.T. Kejayaan C.A.T terserlah dengan Laporan Audit Negara 2011 di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih rekod lebih atau Bajet yang paling tinggi dalam sejarah Pulau Pinang naik 312% kepada RM138 juta pada tahun 2011 berbanding pada RM33 juta pada tahun 2010. Malah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Nazri Aziz sendiri ucapkan tahniah ke atas kerja Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kerana kecekapan dalam pengurusan kewangan yang baik.

Sungguhpun demikian teguran dan Laporan Ketua Audit Negara untuk Negeri Pulau Pinang adalah diterima dengan hati terbuka oleh Kerajaan Negeri dan tindakan-tindakan yang proaktif akan diambil bagi memastikan perkara tidak akan berlaku pada masa datang. Saya telah pun telah diberitahu

oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri untuk menangani isu-isu yang dibangkit. Pihak Pembangkang telah membangkitkan prestasi perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri 2010 dan 2011 yang dikatakan rendah. Terutama bagi Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pada tahun 2010 Peruntukan P01 telah dibelanjakan sebanyak RM179.45 juta daripada peruntukan berjumlah RM328.25 juta. Ini untuk 2010 sebab utama yang menjurus perkara tersebut adalah kerana peruntukan bagi pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang tidak perlu dibelanjakan. Pada tahun 2010 sebanyak RM92 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan projek tersebut ia tak dapat dibelanjakan sepenuhnya memandangkan terdapat kelewatan pelaksanaan projek di peringkat Persekutuan di mana ketika itu sedang dalam urusan perundingan kontrak bagi pembinaan empangan berkenaan. Daripada jumlah tersebut hanya RM4.62 juta diberikan bagi perunding atau konsultan.

Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM68 juta bagi pengambilan balik tanah di kawasan Pondok Upeh untuk tujuan hub pendidikan. Pengambilan tersebut telah selesai sepenuhnya pada tahun 2010 dengan bayaran pampasan sebanyak RM40.29 juta kepada pemilik tanah tersebut. Oleh demikian terdapat penjimatan sebanyak RM27.7 juta. Ini berlainan dengan Kampung Genting di mana pengambilannya dibatalkan pada tahun ini.

Kelewatan pelaksanaan Empangan Mengkuang pada 2010 dan penjimatan bagi pengambilan balik tanah di Pondok Upeh telah menyebabkan peruntukan RM119.5 juta ataupun 35% dapat dijimatkan untuk tahun 2010. Bagi tahun 2011 telah dicatatkan dalam Laporan Audit bahawa RM386.2 juta tidak dibelanjakan. Di antaranya adalah sejumlah RM262.3 juta ini diperuntukkan untuk bayaran balik Projek Bekalan Air kepada Kerajaan Persekutuan tidak diperlukan lagi akibat pemindahan aset PBAPP kepada Pengurusan Aset Air Berhad daripada Kerajaan Persekutuan. Sejumlah RM100 juta yang diperuntukkan untuk cadangan pengambilan tanah hak pendidikan di Balik Pulau tidak diteruskan, sebenarnya hanya RM23.9 juta yang tidak dibelanjakan dari pelbagai projek pembangunan yang sedang dilaksanakan pada tahun 2011, tetapi belum siap sepenuhnya dan pembayaran penuh tidak dibuat seperti projek Mahkamah Syariah di Daerah Seberang Perai Tengah. Pinjaman kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan projek-projek khas ekonomi. Manakala sebahagian lagi adalah penjimatan perbelanjaan ekoran projek-projek dilaksanakan secara tender atau sebut harga terbuka.

Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tahun 2011 bagi pengambilan balik tanah untuk tujuan hab pendidikan di Kampung Genting seperti yang saya sebut tadi dia telah dibatalkan apabila Asian Women Leadership University telah bersetuju untuk memilih tapak Kerajaan Negeri di Pondok Upeh, ini pun diambil alih pada tahun 2010, maka pengambilan yang dicadang di Kampung Genting dibatalkan dan seterusnya menjimatkan RM100 juta. Dengan kata lain RM262 juta telah diijamatkan, sorry RM362 juta telah diijamatkan, RM100 juta yang diperuntukkan untuk pengambilan tanah dan RM162 juta yang sebenarnya merupakan bayaran balik hutang air diijamatkan apabila surat perjanjian pengisytiharan aset telah disempurnakan dengan Perbadanan Aset Air Berhad Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Persekutuan dalam tawaran itu telah bersetuju untuk mengambil alih semua hutang-hutang dengan tawaran bahawa kita mengurangkan aset air kepada Kerajaan Persekutuan.

Perlu ditegaskan bagi Kerajaan Negeri bahawa perbelanjaan bertambah iaitu 55% lebih tinggi daripada belanjawan Kerajaan Barisan Nasional untuk tempoh lima (5) tahun ini kalau kita bandingkan perbelanjaan di antara Barisan Nasional dengan Pakatan Rakyat, perbelanjaan oleh Barisan Nasional tambah 55%, tetapi sungguh pun tambah tapi Kerajaan Pakatan Rakyat masih dapat mencatatkan lebih Bajet yang lebih tinggi kerana kita amalkan sistem CAT kerana kita menangani dan melawan rasuah, saya rasa itu adalah satu kejayaan yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan juga penekanan kepada peruntukan pembangunan diteruskan tambahan sebanyak 9.15%..(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

Minta penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri terima kasih. Y.A.B. Ketua Menteri, saya telah pun bangkitkan isu semasa perbahasan saya supaya setiap Ahli Dewan Undangan dikehendaki untuk mengisytiharkan aset dan bila saya menjemput ahli-ahli daripada parti pembangkang untuk membuat demikian sunyi sahaja jadi Y.A.B. Ketua Menteri. menjelaskan perkara dan bagaimana kita nak mengatasi masalah rasuah jika Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak langsung *take part* atau participate secara *voluntary*, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Batu Uban, saya rasa kita nak buat peringkat langkah demi langkah, peringkat demi peringkat kerana kita mula dengan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri kita, harap ia dapat diterima pakai oleh Ahli Pentadbiran Kerajaan Persekutuan kerana saya rasa kita harus memberikan satu contoh kepimpinan yang baik. Saya masih ingat sebelum kita mengumumkan perisytiharan aset, kita selalu dipertikaikan dan selalu dikritik, tapi apabila kita umumkan perkara ini tak timbul lagi dan kita rasa kalau kita

benar-benar nak lawan rasuah dan saya di sini pun mempunyai pandangan bahawa ia memang boleh disokong oleh ahli-ahli di sebelah sana. Marilah kita bersama-sama memastikan sebagai langkah pertama kita mula dengan Ahli Pentadbiran seperti mana yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Kita mula dengan Ahli-ahli Pentadbiran semua negeri dan termasuk Kerajaan Persekutuan biarlah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, dan juga Menteri, Menteri-menteri semua mengisytiharkan aset mereka secara terbuka, kalau ini boleh.....(gangguan), pergi ke peringkat lain, sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri, sebenarnya semasa kami jadi *backbenchers* dulu pun di peringkat Negeri kami ada buat pengisytiharan harta di Negeri Pulau Pinang untuk pengetahuan Y.B. Batu Uban..(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi tadi tidak diumumkan kepada orang awam...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Memang ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada, saya tahu ada di peringkat Pusat pun ada, itu Menteri-menteri pun ada buat laporan kepada Perdana Menteri itu saya..(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Bermakna ada *declaration*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak pertikaikan ada, tetapi kepada Y.B. Penanti buat apa, kepada Exco-Exco, kepada Ketua Menteri buat apa. Kita nak ia diumumkan kepada orang awam macam sekarang kita siarkan dalam *website*, itu yang diminta. Kalau disebut tentang pengisytiharan awam ini telah diamalkan 40 tahun dulu, sudah 40 tahun diumumkan kepada Perdana Menteri tapi hanya Perdana Menteri yang tahu. So yang saya rasa adalah penting bahawa rakyat mempunyai hak untuk tahu, bukan setakat, sekadar Perdana Menteri sahaja dan itulah pembaharuan, itulah reformasi yang kita nak bawa sekiranya benar Putrajaya maka semua Menteri termasuk Perdana Menteri akan isytiharkan aset pada orang awam. Dari enam (6) agenda utama di mana pembangunan telah bertambah sebanyak 9.15% bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah

dari segi Infrastruktur RM77.7 juta, Tanah RM58 juta, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar RM13 juta, Perumahan RM12.5 juta, Program Bantuan Rumah RM50 juta, Sosial dan Pembangunan Masyarakat RM152.1 juta. Keseluruhannya RM363.3 juta. Ini tidak termasuk RM500 juta yang diperuntukkan oleh PDC untuk menjalankan Program Pembinaan Perumahan Mampu Milik sebanyak 18,000 unit di seluruh Pulau Pinang termasuk di kawasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri, daripada RM500 juta yang di *mark* itu berapa banyak telah diterima daripada sumber-sumber yang telah di *mark* itu RM500 juta setakat ini terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebanyak. Saya tak ada angka, sekarang tapi sebanyak lebih RM110 juta telah diterima kerana ia diberikan bayaran ansuran untuk lima (5) tahun sebagai satu projek tambahan tambatan laut dan keseluruhan bayaran adalah sebanyak RM1.1 billion. Saya terus terang menyatakan bukan RM500 juta tak cukup. Saya jangka kita kena tambah tapi kita buat secara permulaan, kalau pun tambah sekurang-kurangnya kita akan cari dana supaya kita mampu membina rumah mampu milik, seperti Y.B. Seberang Jaya setuju memang ini adalah suatu peruntukan yang paling besar dalam sejarah Negeri Pulau Pinang. Malah saya rasa tidak ada negeri-negeri mana pun yang memperuntukkan wang RM500 juta untuk perumahan mampu milik, kerana selama ini ia memang adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.. (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan sikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebelum ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

PDC apabila kita sebut tentang PDC untuk bagi RM500 juta, PDC sudah tentu mengenal pasti kawasan seperti di bawah miliknya di Batu Kawan tetapi bagaimana dengan kawasan-kawasan lain yang memerlukan, kalau ikut perancangan kita nak buat rumah mampu milik 11,000 unit di Batu Kawan contohnya, kawasan-kawasan lain macam mana, macam mana orang

nak dapatkan rumah? orang luar bandar juga memerlukan rumah kos rendah, tetapi saya nampak tak ada perancangan untuk buat rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu, saya harap terima kasih Y.B. Sungai Dua. Mungkin saya merujuk kepada ucapan bajet saya, di mana saya pun telah terangkan secara mendalam, manakah tapak tanah yang akan dibina perumahan mampu milik ini bukan sahaja di Daerah Seberang Perai Selatan tapi di keempat-empat daerah so tolong rujuk kepada ucapan bajet..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

lalah saya rujuk, tetapi bila saya bercakap tentang, bila kita bercakap tentang mampu milik Kerajaan Negeri tetapkan sasaran rumah berharga RM72 hingga RM150 ribu. Yang saya bercakap ini tentang rumah kos rendah yang diperlukan oleh rakyat Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa ini memang juga diambil kira dan seperti yang saya sebut tadi, bahawa kita ada rancangan lain. Kita sekarang kita cakap membina rumah, tapi kalau sebut tentang itu rumah kos rendah memang ada, macam dekat Seberang Perai Selatan, Yang Berhormat pun tahu bahawa ada rumah kos rendah yang kosong, so saya rasa itu kita hendak mengambil alih kerana kita lihat bahawa permintaan tak begitu baik dan kita nak buat secara sewa untuk membantu mereka yang betul-betul miskin dan ini adalah sebahagian program AES dan saya pun hendak masuk nanti.

Sebelum ini pihak pembangkang mendakwa lebihan Bajet terbesar ini dicapai kerana Kerajaan Negeri kurang belanja dan kita memang tahu bahawa ini tidak benar, tetapi kita harap janganlah memperlekehkan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Janganlah sampai mempersoalkan kewibawaan laporan Ketua Audit Negara dengan menyatakan atau membuat itu tuduhan yang bukan-bukan. Saya rasa ini memang ada tujuan yang tidak baik kerana mengkritik laporan Ketua Audit Negara, semata-mata kerana ia memuji prestasi kewangan Kerajaan Negeri, tetapi sekiranya laporan Ketua Audit Negara mengkritik pengurusan prestasi kewangan Kerajaan Negeri, saya rasa ia akan diangkat untuk mempertahankan Laporan Ketua Audit Negara, so di sini kita harap janganlah begitu terbawa-bawa untuk mengkritik Kerajaan Negeri sehingga laporan Ketua Audit Negara boleh dipertikaikan atau pun boleh diperlekehkan begitu saja. Suka saya jelaskan di sini bahawa..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri, kita tak mengkritik laporan Ketua Audit Negara cuma kita *highlight* sebenarnya apa yang berlaku, tetapi dari segi apa nama Bajet ini memanglah kita semua tahu bila Bajet kita memang, tiap-tiap tahun sama juga kita bentang, akhirnya oleh kerana pertambahan pendapatan, *saving and so on* jadi ada *surplus*, tiap-tiap tahun kita ada *surplus*. Barisan Nasional dulu pun begitu juga, *surplus-surplus* juga satu (1), dua (2) tahun *deficit then surplus* lagi. Tetapi Y.A.B. Ketua Menteri tak sebut ada. Satu (1) bila ada perpindahan aset PBA kepada Kerajaan Pusat ada lebihan, lebihan itu di *transfer* kepada Akaun Disatukan. Ini akhirnya nampak *surplus* lebih banyaklah, tak apa yang itu bagus, tapi janganlah kata ini kehebatan Kerajaan Negeri maka kita dapat *surplus* banyak. Kita akui jugalah ada sikit apa nama perpindahan yang berlaku dari tabung lain ke tabung lain ke apa nama *consolidate fund* ini. Jadi yang itu kita terang yang itu bukan bermakna tapi oleh kata kita hebat sampai *surplus* tiap-tiap tahun, so janganlah kata macam itu...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa saya tak mahu bagi kuliah perakaunan sekarang terlalu panjang tapi secara ringkasnya kalau kita nak lihat penyata kewangan, ada tabungan, ada *cash flow* ada aset liabiliti, ini ada dua (2) bahagian. Kalau Yang Berhormat nak sebut sebelah pihak kena ingat *system cover entry* mesti seimbang, so di sini kalau kita lihat dari segi aset, aset bertambah kalau aset tak bertambah itu bermakna tak bermakna so di sini kalau kita lihat dari segi aset bertambah. Kalau masa Barisan Nasional jumlah RM800 juta sekarang sudah lebih RM1.1 billion, so di sini ini menunjukkan kejayaan Kerajaan Negeri dan dari segi itu lebihan ini telah disahkan oleh Ketua Audit Negara sebagai benar dan saksama. *True and fair* iaitu ia memang adalah lebihan (gangguan)..duduk..saya ini saya tak mau bagi jalan kerana saya minta maaflah Y.B. Telok Bahang tak faham perakaunan, so saya tak mau berpanjangan kalau tentang *medication* perubatan, saya mengaku kalah, tapi saya ini saya rasa Yang Berhormat memang tak faham so biar saya jelaskan dengan ringkas kerana *that's not productive views* ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya pun lama dalam itu, saya tahu..(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi *you are not qualified accountant, you don't know what are you talking about, you* hanya nak buat itu serangan politik saja, so di sini saya nak sebut ini adalah pengesahan daripada Ketua Audit Negara, mengapa nak

mempertikaikan lebih *surplus* ini, itu dipertikaikan dan memang tak.. (gangguan), dipersoalkan saya, duduk, duduk. Saya memang saya rasa tidak harus dipersoalkan. Dulu masa Barisan Nasional ada bajet *surplus* ada defisit, tapi kena ingat di bawah Pakatan Rakyat tak pernah satu (1) tahun defisit, kelima-lima tahun *surplus*, sungguh pun kita buat itu, ramalan itu anggaran defisit tapi akhirnya perbelanjaan sebenar *surplus* dan kita harus dalam aspek ini memberikan kepujian bukan sahaja kepada barisan pimpinan EXCO tapi juga kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab, dan ia telah disahkan diakui oleh Ketua Audit Negara. Lebih *surplus* RM138 juta dinyatakan, jangan sebut bahawa inilah, itulah. Saya rasa kalau nak hentam kalau nak kritik lah Kerajaan Negeri tapi jangan gunalah laporan Ketua Audit Negara supaya bila ia menyebelahi pihak anda, kita gunakan tapi tak menyebelahi pihak anda dikritik, saya cukuplah saya rasa tak mau sebut tentang. Saya tak tahu kerana Y.B. tak faham perakaunan, saya tak bagi, perkara lain boleh kerana *I talking to award...* (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang Berhormat bahawa Kerajaan dahulu...(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Telok Bahang tak bagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Suka saya jelaskan di sini Agenda Ekonomi Saksama, ia dirangka untuk membolehkan golongan miskin dipelihara dan menjadikan Pulau Pinang Negeri pertama di Malaysia yang membebaskan diri daripada cengkaman kemiskinan. AES Pakatan Rakyat, Agenda Ekonomi Saksama memperkasakan dasar *pro-poor* untuk menaikkan pendapatan minimum bulanan bagi setiap isi rumah di Pulau Pinang kepada RM770.00 sebulan, secara tambah nilai atau *top up*, pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah RM770.00 sebulan tapi kita tetapkan RM770.00 sebulan berdasarkan satu kajian selidik oleh seorang pakar sosiologi daripada sebuah univesiti tempatan.

Pendapatan garisan kemiskinan yang terkini RM770.00, dengan ini kini sudah jauh melepasi dan juga melebihi RM720.00 sebulan yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat dan pada masa yang sama mensejahterakan kebajikan rakyat kepada warga emas OKU, dengan bantuan dan bantuan IPTA *one off* semua sebanyak RM1,000.00 yang akan dilaksanakan untuk tahun depan. Terus dilaksanakan untuk tahun depan, malah pada tahun 2013 bantuan kebajikan ini dikembangkan kepada waris ibu tunggal dan OKU dan selepas

menjadi Negeri pertama yang menghapuskan miskin tegar, kita harus bangga Negeri Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama yang menghapuskan kemiskinan dan sekali gus menjadi negeri berkebakikan. Dato' Yang Di-Pertua berhubung dengan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamad):

Penjelasan tentang kemiskinan saya pun dapat gambaran begitu jelas macam mana cara nak hapuskan kemiskinan tegar, sedangkan setiap tahun dalam kita punya senarai orang yang miskin tegar itu ada, kalau ada dalam senarai makna dia masih miskin, makna sekarang kalau kita dapat angka dia semakin meningkat dulu tahun sudah tujuh ratus lebih sekarang kalau ikut jawapan yang diberi duk ada 833 orang, makna miskin tegar dah meningkat, kalau kita buat sistem *top up*, tahun depan masih ada lagi miskin tegar kita terpaksa *top up* lagi, tahun akan pun *top up* lagi. Akhirnya kita tak boleh hapuskan miskin tegar oleh bagaimana kaedah untuk?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu Yang Berhormat tidak berapa setuju kerana merasai bahawa sistem ini tak berkesan dan tentulah saya lihat kenyataan daripada Y.B. Telok Bahang yang mengkritik pemberian wang kerana menyatakan ini tidak diperlukan oleh rakyat, sebenarnya rakyat termasuk orang miskin mahu projek-projek. Saya tentu ada baca kritikan ini tapi tak apa, saya terima kritikan Y.B. Telok Bahang dan Y.B. Sungai Dua, asalkan kita boleh membantu mereka yang miskin. Betul bahawa ada 800 lebih keluarga miskin yang disebutkan oleh Y.B. Sungai Dua, tapi kalau mereka tak dapat bantuan *top up* oleh Kerajaan Negeri mereka akan terus miskin, hasrat Kerajaan Negeri ialah untuk membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan, dengan *top up* itulah sebabnya saya harap Yang Berhormat boleh memberikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri kalau tahu mana-mana keluarga yang miskin yang perlukan *top up* bagitahu kepada Y.B. Phee Boon Poh beliau sedia untuk memberikan bantuan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri ini memang satu mekanisme, kalau ada mana-mana keluarga yang tercicir bagitau sama kita tapi mekanisme sudah ada untuk memastikan setiap keluarga selepas semua bantuan kebajikan boleh dapat RM770.00 sebulan pada tahun depan. Saya memang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Pasal kemiskinan saya memang setuju had kemiskinan *had proverty level* itu ditingkatkan kepada RM770.00, ini kerana keadaan di Pulau Pinang *cost of living* kita berbeza dengan Negeri-negeri lain. Di Pulau ini pun sebenarnya berbeza dengan di Seberang Perai, *cost living* kita memanglah patut dinaikkan daripada RM720.00 atau dulu RM600.00, naik kepada *very*

good sebab ini menepati kehendak keperluan rakyat *cost living* kita di Pulau, kalau kita bandingkan dengan Seberang pun berbeza, tapi yang kita persoalkan seperti yang kita katakan tadi adakah itu sahaja cara dia untuk kita nak meningkatkan dan nak keluarkan mereka ini daripada kemiskinan. Tak adakah secara lain yang itu dipersoalkan, adakah kita nak tingkatkan pendapatan mereka, bagi jalan cari peluang, perniagaan dan sebagai *training* perindustrian. Ini yang kita nak dengar ini Kerajaan Pusat pun patut tambah lagi usaha yang Kerajaan Pusat buat, yang kita nak dengar itulah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baiklah saya nak ucapkan terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang kerana sudah berubah pendirian surat khabar kerana mengkritik AES tapi sekarang menyatakan bahawa ini adalah suatu dasar yang baik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya tak beralih daripada pendapat saya yang awal. Saya kata sistem *top up* ini sampai bila tak akan selesai masalah kemiskinan, sebab itu saya nak dengar apa yang Kerajaan Negeri nak buat, untuk hendak dibangunkan ekonomi kumpulan ini. Itu yang saya maksudkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi Y.B. cakap bahawa *is very good*. Sekarang pula cakap pula *no good*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Langkah Kerajaan Negeri untuk nak meningkatkan paras kemiskinan kepada RM770.00 *is good*, bagus, kerana kita....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya pun keliru lah. Sekarang *good or no good*. Sekarang pula cakap *no good*. Tadi cakap *very good*. Saya pun keliru. Saya rasa saya tak mahu... (gangguan). Saya tak mahu berpanjangan lagi, kalau...(gangguan). *Maybe please makeup your maind first, very good or no good....*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.A.B. Ketua Menteri ada satu kajian yang saya baca dulu oleh USM saya tak ingat siapa, RM1,200 *is the level of* kemiskinan. Yang saya dengar dulu, *detail* dah lupa tapi kalau hari ini Ketua Menteri kata RM770.00 *is good level* teruskan kita di Pulau Pinang saya kata tadi kos *living* kita berbeza

dengan negeri lain, di Kelantan mungkin RM500.00, RM600.00 cukup tapi di Pulau Pinang tak cukup langkah itu betul tapi cara selesaikan masalah kemiskinan ini yang ini kita nak tau cara *top up* ini dia tak akan kekal, dia tak akan selesai masalah kemiskinan yang itu saya maksudkan jangan keliru ayatlah Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya sudah sebut, memang kita nak cuba jalan serentak, tapi sekarang sekurang-kurangnya kita buat secara berani untuk *top up* supaya kita tak ada orang miskin mengikut pendapat garisan kemiskinan yang ditetapkan, tapi bila kita lancarkan program ini Y.B. dalam surat khabar tak setuju, cakap ini bukanlah bagus, tadi cakap bagus, lepas ini bila saya ucapkan terima kasih, tiba-tiba cakap tak bagus....(gangguan), tak apa, tak apa. Biar saya teruskan. Yang kita akan buat adalah secara dari segi mekanisme saya harap Yang Berhormat yang ada apa-apa maklumat tolong bagi kepada Y.B. Phee yang akan menjalankan mekanisma ini so memang wujud so tapi kalau kita tak ada maklumat tentang keluarga kemiskinan kita tak boleh buat. Apa kita minta semua Yang Berhormat berikan bantuan.

Berhubung dengan isu lain berkaitan dengan hasil daripada tanah dan penjualan tanah dakwaan bahawa kita hanya bergantung semata-mata kepada itu saja. Ini adalah tidak benar kerana kalau kita cakap tentang penjualan tanah Kerajaan Negeri hanya menjual 105 ekar tanah dan itupun secara tender terbuka perlu diingatkan bahawa penjualan tanah secara tender terbuka ini membolehkan Kerajaan Negeri memperolehi RM1.1 billion. Ini jauh lebih baik berbanding dengan Kerajaan Negeri BN yang selama ini kira-kira dua puluh tahun menjual 4,000 ekar tanah dan hanya mendapat balik kurang daripada separuh daripada RM1.1 bilion yang kita peroleh daripada 105 ekar tanah ini kerana yang dijual oleh Kerajaan Negeri 105 ekar tanah semua adalah secara tender terbuka, bukanlah macam Kerajaan lama yang tidak buat secara tender terbuka tapi kroni mereka itulah, sebabnya Kerajaan Negeri menerusi EXCO telah melantik Yang Berhormat daripada Padang Kota untuk menjalankan satu siasatan terperinci tentang 4,000 ekar tanah Kerajaan Negeri yang telah dijual dengan harga bayaran kurang daripada separuh daripada RM1.1 bilion yang diperolehi Kerajaan Negeri kerana menjual secara tender terbuka. Y.B. dari Padang Kota akan menyediakan atau menyiapkan satu kertas putih supaya perkara yang begitu penting ini dapat cerita benar, kita dapat kisah benar macam mana tanah Kerajaan Negeri telah pun dijual dengan begitu murah dan kes-kes penyelewengan bukan sahaja kes Tang Hak Ju ataupun Pulau Jerejak tapi kes-kes lain yang berbangkit. Saya habis tentang tanah ini dan saya bagi laluan, biar saya habis dulu.

Tentang penjualan tanah saya rasa ini adalah sesuatu yang diharuskan supaya Kerajaan Negeri dapat menjalankan program pembinaan perumahan mampu milik tentu Y.B. Telok Bahang sendiri telah membuat dakwaan bahawa penjualan tanah di Bayan Mutiara, sungguhpun 100 ekar lebih telah mendatangkan kerugian RM2.4 billion, saya pun tak tahu mana beliau dapat angka, tapi 4,000 ekar yang dijual kurang daripada separuh iaitu mungkin tak sampai RM600 juta, itu tak disebut langsung. Saya ingin, untuk maklumkan Y.B. Telok Bahang, bahawa penjualan ini dibuat secara tender terbuka. Kalau kita lihat harga yang diperolehi menerusi tender terbuka komoditi, di mana iklan telah dibuat dalam surat khabar, baik daripada Star, baik daripada New Straits Time, pun telah diiklankan surat khabar Melayu pun sudah diiklankan dan akhirnya harga tawaran yang paling tinggi dipilih iaitu dengan harga RM240.00 sekaki persegi. Dan harga ini adalah jauh lebih tinggi daripada harga pasaran atau penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian. Iaitu dalam lingkungan RM70.00 sekaki persegi sahaja. Ini pun boleh Jabatan Penilaian daripada Kementerian Kewangan. Dan sini perlu ditegaskan faedah daripada penjualan ini membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan peningkatan pertumbuhan ekonomi pengwujudan peluang-peluang pekerjaan selain daripada tujuan teras iaitu mendapat dana yang cukup untuk membina rumah mampu milik. Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Ketua Menteri saya ingat tak tahu mana silapnya Ketua Menteri mana boleh kita buat perbandingan dengan harga dulu dengan harga sekarang, dalam masa 50 tahun lebih dan jangka masa empat (4) tahun lebih ini. Dulu kita jual begini harga dia sekarang, mana boleh kita buat perbandingan tak masuk akal langsung bila Ketua Menteri perbandingan begitu harga sekarang dengan harga dulu. Ketua Menteri tadi sebut tentang, saya memang sebut tentang *potential* yang kita boleh dapat, kalau rakyat dapatlah kalau kita bandingkan dengan harga jualan di sekeliling tanah itu di Bayan Mutiara, saya ingat dah sebut dalam surat khabar dan tak payahlah sebut lagi, PDC Properties jual kepada Tashin Steel Sdn. Bhd., dengan harga RM628 sekaki persegi, kawasan berdekatan situ. Kemudian C.P. Lands jual yang berdekatan dengan Queensbay Mall, jual kepada Asia Green Development Sdn. Bhd, dengan harga RM420.00 sekaki persegi dan Ivory beli RM240.00 sekaki persegi. Kalau buat penilaian seperti yang disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri, bila buat penilaian tersebut? Ini yang berlaku dalam kawasan berkenaan dalam masa yang terdekat, harganya sepatutnya bukan RM240.00 tetapi lebih dan bila saya buat *calculation* dengan harga yang paling tinggi ini iaitu RM628.00 sekaki persegi yang dibeli oleh Tashin daripada PDC Properties sebanyak RM628.00 sekaki persegi mengikut harga 105 ekar itu sepatutnya RM3.5 bilion. Ivory beli RM240.00 jadi RM1.1 bilion dan bezanya RM2.4 bilion. Saya kata bukan rugi tetapi ini *potential* untuk Kerajaan Negeri atau rakyat Pulau Pinang dapat tambahan pulangan yang banyak

daripada jualan tanah. Kertas putih, kita mengalu-alukan jika Kerajaan hendak buat kertas putih ini sebab kita tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, *we have nothing to hide*, elok buat. Lagi satu kes Tang Hak Ju, ini pun dihebah-hebahkan untuk tiga (3), empat (4) tahun ini, akhirnya kena bayar RM500,000.00. Saya hendak tahu dengan apa yang terjadi kepada RM14.1 juta yang telah pun diletak di bawah mahkamah dan terus bayar, bolehkah kita *recover* balik? Ini pun kena bagi tahu kepada rakyat juga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya jawab dulu berkaitan dengan Tang Hak Ju. Memang kita telah akur dengan perintah mahkamah untuk membuat pembayaran sebanyak RM14.1 juta dan kita masih berusaha untuk mendapat balik bayaran sebanyak RM14.1 atau RM14.2 juta tersebut, tetapi masih diusahakan. Sepertimana Y.B. Telok Bahang tahu apabila wang sudah keluar susah untuk mendapat balik. Saya berasa amat kesal dengan beberapa pihak yang mempertikaikan kewibawaan Y.B. Dato' Penasihat Undang-undang kerana beliau membuat pembayaran atas perintah mahkamah, bukan atas suka diri dia. Itulah satu perkara yang saya kena jelaskan di sini, pembayaran ini dibuat atas perintah mahkamah sungguhpun telah *exhaust all legal remedies* akhirnya Mahkamah Rayuan telah mengarahkan supaya pembayaran dibuat. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri kita menghormati perintah mahkamah dan kita terpaksa akur. Yang pentingnya di sini itu bala siapa? Itu bala siapa, itu bala Kerajaan dahulu yang mengakibatkan kerugian kepada rakyat termasuk Y.B. Telok Bahang yang pada masa itu yang mempengerusi jawatankuasa tersebut. Saya hendak habiskan kerana ini ungkapan. Kes Tang Hak Ju kita boleh bincang pada masa lain bersama kertas putih dengan Y.B. Padang Kota. Ini adalah bala daripada Kerajaan dahulu yang mengakibatkan kerugian yang besar yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Kalau bukan kerana RM14.1 ini lebihan kita boleh jadi lebih tinggi, kerana RM14 juta lagi lebihan kita kurang.

Kedua, seperti yang disebut tadi oleh Y.B. Telok Bahang berkaitan dengan harga penjualan, saya rasa Y.B. Telok Bahang angkat tahun atau tempoh masa yang berlainan. Jangan lupa kita dapat anggaran daripada Jabatan Penilaian. Jabatan Penilaian adalah di bawah Kementerian Kewangan, bukan dari agensi Kerajaan Negeri. Mereka menyangka harga yang saya sebut di sini, kira-kira RM70.00 dan ini pun tidak termasuk sepertimana yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri. Kos tambakan laut tidak ditanggung oleh Kerajaan Negeri tetapi ditanggung oleh pihak pembida atau pemaju. Tapi sungguhpun dia tanggung kos, dia kena bayar RM240.00 yang dianggap suatu jumlah yang begitu tinggi, RM1.07 atau RM1.1 bilion dijalankan secara tender terbuka. Bukan seperti penjualan yang dibuat oleh Kerajaan dahulu, yang bukan secara tender terbuka, itu adalah perbezaannya. Kalau hendak mempertikaikan harga itu kita kena *compare apple to apple, oranges to oranges*. Janganlah membandingkan sesuatu penjualan tanah

yang melibatkan tambakan laut di mana kos tambakan laut ditanggung oleh pemaju itu sendiri. Satu lagi yang saya hendak sebut ialah kita bagi bayaran ansuran selama lima (5) tahun. Saya rasa ia memang munasabah kerana sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional bagi selama 10 tahun untuk Jelutong Expressway, untuk IJM. Kenapa BN bagi tempoh 10 tahun tidak bising tetapi bila Kerajaan Negeri bagi separuh dari tempoh itu, lima (5) tahun, kena riuh rendah. Saya rasa itu memang tidak munasabah kerana Kerajaan Negeri telah pendekkan tempoh supaya kita boleh dapat cepatkan dan jalankan program-program sosial yang saya sebutkan tadi. Y.B. Dato' Speaker, berkaitan dengan ADUN dari Pengkalan Kota iaitu tanah kuarters Kerajaan Negeri sebanyak RM3.6 juta.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, minta penjelasan sedikit, tentang dengan penjualan tanah. Kita dapati Y.A.B. Ketua Menteri telah membuat dua tawaran untuk menjual tanah di Taman Manggis. Taman Manggis telah pun dijual kepada satu *company* di Kuala Lumpur Dental International, tetapi Yang Amat Berhormat telah membuat tawaran kepada satu lagi syarikat lain untuk membeli tanah itu. Saya difahamkan bahawa syarikat yang pertama telah pun selesai membuat pembayaran bagi tanah yang pertama, kenapa Yang Amat Berhormat masih membuat tawaran kepada syarikat lain. Ada dua di situ, pertama, syarikat pertama telah pun selesai membayar dan kenapa Yang Amat Berhormat masih buat tawaran lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Y.B. Sungai Dua. Sebenarnya saya hendak jawab pada akhir tetapi kerana telah diawalkan oleh Y.B. Sungai Dua, saya pun hendak jawab awal sedikit. Taman Manggis ini, itu memang suatu sandiwara politik Barisan Nasional. Kalau kita lihat dari segi sejarahnya, 1.1 ekar bila Kerajaan Negeri baru mengambil alih tampuk pemerintahan, kita ada melihat tapak ini, sama ada sesuai untuk membina rumah kos rendah. Tetapi selepas melihat saiz tanah itu yang kecil dan tidak memenuhi saiz minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu yang dikuasai oleh BN sendiri iaitu Datuk Chor Chee Heung sendiri menyatakan mesti sekurang-kurangnya saiz 2 ekar, saiznya tidak boleh kurang 2 ekar. Itulah yang kita rasa ianya terlalu kecil dan kita cari tapak lain. Kita cari di Jalan S.P. Chelliah seluas 11 ekar, 11 ekar telah diperuntukkan yang tidak pernah diberikan dulu oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bila kita bagi 11 ekar kita terkejut kerana Barisan Nasional tidak lihat yang 11 ekar ini hanya memberi tumpuan kepada yang 1 ekar, macam 1 ekar ini lebih besar dari 11 ekar. Saya tidak tahu macam mana Ilmu Hisab mereka, mungkin kerana ilmu hisab sekarang telah menurun. Biar saya habiskan dulu, nanti saya akan beri laluan. Itu yang saya tidak faham. Lepas itu pula timbul dakwaan, bahawa

sebenarnya tanah ini diperuntukkan untuk rumah kos rendah pada tahun 2003. Saya telah bertanya kepada banyak rakan-rakan, Y.B. Padang Kota dan Y.B. Batu Lintang, kalau telah diperuntukkan dalam tahun 2003 untuk rumah kos rendah, mengapa ianya tidak diumumkan di dalam surat khabar, mengapa tidak ada satu pengumuman terbuka dibuat kepada orang awam. Tidak ada langsung, Y.B. Padang Kota kata tidak ada dan Y.B. Batu Lintang pun sebut tidak ada. Mereka sudah lama, tidak pernah lihat ada sebarang rancangan untuk membina rumah kos rendah, 2003 hingga 2007 tidak ada pengumuman secara umum, baik di surat khabar atau di mana-mana pihak. Tiba-tiba bila kita hendak habiskan penjualan tanah ini, yang kita buat sekali lagi dengan tender terbuka, bila kita hendak menyempurnakan datang pula BN dan menyatakan bahawa kita telah merampas tanah untuk rumah kos rendah untuk buat hospital swasta.

Saya memang tidak faham kenapa BN begitu berminat apabila mereka menjadi pembangkang tetapi...(gangguan). Biar saya habiskan dulu supaya kita dapat cerita yang sepenuhnya. Bila BN jadi Kerajaan tidak berminat langsung untuk membina, dari tahun 2003 hingga 2007, lima (5) tahun tidak berusaha langsung tetapi sebaik jadi pembangkang, kata ada wang, boleh dapat wang untuk membina, bukan sahaja beli tanah dengan harga RM450.00 sekaki persegi tapi ada wang untuk membina perumahan mampu milik. Semasa jadi Kerajaan tidak berminat, bila jadi pembangkang baru berminat. Saya rasa lebih baik untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang BN terus jadi pembangkang supaya kita boleh dapat lebih banyak rumah mampu milik...(gangguan). Biar saya habiskan dulu, tolong biarkan saya habiskan dulu, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat nanti.

Sekarang pula timbul bahawa seperti mana kata Yang Berhormat tadi, kita telah buat tawaran kepada KIDC dan dia pun telah habis buat pembayaran macam mana pula kita boleh buat tawaran lain kepada syarikat BN. Macam mana satu tapak tanah dijual kepada dua pihak, itulah Y.B. Sungai Dua, kalau betul-betul tidak faham, saya pun rasa sedikit kesal kerana Y.B. Sungai Dua sepatutnya faham, selagi geran tanah tidak dikeluarkan ia masih menjadi milik mutlak Kerajaan Negeri. Sungguhpun wang telah dibayar, Kerajaan Negeri boleh pulangkan wang dan tidak mahu bagi geran tanah kepada pembayar itu, itu undang-undang, itu pun kalau disahkan dalam mahkamah bahawa selagi geran tanah tidak dikeluarkan Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak, bolehkah faham hak mutlak? Boleh tanya kepada Y.B. Telok Ayer Tawar, beliau seorang *lawyer*, betul tidak? *You have absolute right not to issue title* tetapi perlu bayar balik, itu undang-undang....(gangguan) Itulah sebabnya kerana kita tidak keluarkan hak milik geran, Kerajaan Negeri bila Barisan Nasional cabar kata mereka boleh beli dengan RM450.00 sekaki persegi tetapi bila mereka beli mereka tidak bayar penuh. Mereka bayar 1% bukan 100%, 1% mana boleh beli tanah, mesti bayar 100%. Sungguhpun BN kata ada wang tapi tidak mahu bayar, ada wang tapi simpan untuk apa, saya

pun tidak tahu. RM22 juta ini simpan untuk maksud apa saya pun tidak tahu, lepas itu sebut pula bahawa mereka perlukan surat perjanjian, macam mana kita boleh adakan surat perjanjian bila tidak ada *title* kerana ini akan diberi secara pembermilikan. Bila diberi secara pemberi milikan hanya keluarkan geran sahaja, jimatkan wang, *stamping* dan sebagainya, ini lebih baik untuk BN.

Kita perlu ingat bila Kerajaan Negeri buat tawaran, pembayaran dibuat kepada Barisan Nasional bukan kunci-kuncunya, hanya Barisan Nasional Pulau Pinang sahaja dan syarikat yang ditawarkan adalah Taman Manggis Development Sdn. Bhd., Fasa 2 di mana pemegang saham dan ahli lembaga pengarah adalah dua orang iaitu Khoo Boo Soon, bekas pemangku Pengarah, bukan Pengarah Bahagian Bangunan MPPP dan seorang lagi yang saya tidak kenali, maaf Bahagian Perancangan, bukan Bangunan, pemangku sahaja. Saya tidak tahu tiba-tiba dia jadi pemimpin Barisan Nasional Pulau Pinang, bila dia jadi pemimpin BN Pulau Pinang? Pemimpin Barisan Nasional Pulau Pinang ialah Y.B. Telok Bahang dan Teng Chang Yeow, kalau dua-dua nama ini ada kita boleh terima. Ini adalah pemimpin Barisan Nasional. Tiba-tiba pula Khoo Boo Soon bila dia jadi pemimpin BN Pulau Pinang? Ini yang pertama.

Kedua kita sebut, kalau hendak buat rumah mampu milik atau rumah kos rendah kita mesti akur kepada ketetapan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mana boleh kepada syarikat dua ringgit. Mesti naikkan kepada satu tahap yang memuaskan, kita bagi masa, kita bagi sebulan lagi pun tidak apa, kita bagi sebulan lagi untuk betulkan kecacatan dan kelemahan ini. Tapi jangan datang sini untuk cakap bahawa oh..tanah ini telah dijual kepada dua pihak. Itulah sebabnya tak mahu bayar. Saya rasa ini hanya cari alasan untuk tak buat pembayaran. Sungguh pun wang ada, tapi hanya cari alasan untuk tak buat pembayaran. Dan keadaan di mana tapak tanah ini tidak boleh dijual kepada Barisan Nasional. Tak wujud langsung kerana hak milik tanah tidak pernah dikeluarkan kepada mana-mana pihak. Ia masih tanah Kerajaan.

Saya tahu BN semalam menyatakan bahawa ada satu *charge*. Bukan *charge*. *Debenture*. Tak kan tak faham apa itu perbezaan antara *debenture* dengan *charge*. *Debenture is an unsecured loan. Charge is secured*. Kalau pemimpin Barisan Nasional pun tak boleh faham di antara *debenture* dan *mortgage* tak layak untuk jadi pemimpin dan memerintah Pulau Pinang. Oh! tapi ada yang menyatakan ada *fraud*. Mana ada *fraud*. Hak milik tanah belum dikeluarkan. Kalau dikeluarkan senang. Buat satu *search*. Buat satu siasatan *search* dekat pejabat tanah. Boleh ambil keluar itu *search* menunjukkan siapa yang menjadi penggadai. Siapa yang mencagar. Mengapa sehingga sekarang tak boleh dapat kerana memang tak ada hakmilik tanah. Tapi sekarang cakap,

oh! kerana *debenture*, oh itu menunjukkan mesti ada *charge*. Mesti ada hakmilik tanah. Saya boleh tanya Yang Berhormat Telok Ayer Tawar seorang *lawyer*. Sama tak? *Charge and debenture. Is it the same?* Saya pernah jadi *banker*. Saya tahu. *There's a different between a secured....*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid)

Penjelasan boleh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Air Putih. Memanglah kalau tanya Y.B. LA pun pada dasarnya ada perbezaan *debenture* dengan *charge*. Tapi saya nak tanya di sini sama ada *debenture* itu *based on a lien holder caveat. I'm not sure*. Kita tak tahu sebab saya tak mempunyai maklumat tentang perkara ini. Tetapi kenapa ada dikaitkan ada disebutkan berkaitan dengan tanah ini. Dan tadi Yang Amat Berhormat menyebut belum dikeluarkan hak milik. Jadi bagaimanakah *debenture* ini boleh disangkutkan dengan tanah ini.

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat Telok Ayer Tawar nak bantu kawan pun bukan macam ini. Nanti dia akan jejaskan imej profesional sebagai seorang peguam. *Without a debenture it's a fixed and floating charge over all assets. All assets owned by the company. It's unsecured facility....*(dengan izin). Yang *secured facility* ialah bila anda buat *charge* ke atas satu *title* yang akan didaftarkan di pejabat tanah. *Debenture* dia tak boleh didaftarkan kerana dia tak ada *title*. Ia hanya cakap bahawa selepas tuntutan habis kalau ada tinggal saki baki dia baru boleh tuntutan. *That is what we call a fixed and floating charge over all assets*. Tapi tak ada hak tuntutan. Dan apa yang disebut di sini ialah sekiranya dia dapat tanah, itu bank boleh tuntutan ia. Tapi selagi dia tak dapat tanah, bank tuntutan apa. Yang penting adalah bank sedia meminjam wang atas kredibiliti peminjam.

Dia pinjam wang sungguh pun tak ada *title* atas kredibiliti peminjam sahaja. Saya telah menanya saya punya pegawai kerana ini perkara serius. Kalau betul-betul ada *charge*, betul-betul ada cagaran itu perkara serius. Itu bermakna arahan Exco telah ditidakkan. Ini *it's defiance of Exco directive*. Saya tanya Setiausaha Kerajaan Negeri, saya tanya Pegawai Kewangan Negeri, saya tanya pengarah PTG, saya tanya DO. Semua cakap langsung tak ada. Kalau ada saya boleh jamin pihak Kerajaan Negeri akan ambil tindakan tegas ke atas mereka yang terlibat. Tak kira siapa. Termasuk Dato' SUK sendiri kalau ini memang berlaku. Memang saya percaya tak ada hak milik yang dikeluarkan. So ini memang adalah suatu *that instrument* di mana mereka menyatakan ke atas semua aset. Ini macam secara umum kepada semua aset termasuk yang bakal akan datang. Ini bukanlah cagaran. Kalau tak boleh faham apa itu *debenture* tolonglah. Nak buat tuduhan dan dakwaan biar dibuat dengan baik-baik.

Kalau saya rasa Yang Berhormat Telok Ayer Tawar ada lihat keadaan sedemikian, Yang Berhormat Telok Ayer Tawar tolonglah nasihat sedikit. Janganlah buat semua orang malu, tunjuk bahawa jahil. Jahil tak apa, tapi tunjuk juga berniat jahat kerana memang tahu ini bukanlah satu *instrument* yang menunjukkan ada hak milik tanah ataupun ada cagaran. Semua *lawyer* pun tahu hal ini. Kalau *lawyer* pun tak tahu perkara ini tak layak jadi *lawyer*. Itu sebab semalam saya lihat ada *lawyer* tak? Tak ada *lawyer* keluar. Dan saya harap ini dapat jelaskan tak ada masalah undang-undang tentang penjualan tanah Taman Manggis kepada Barisan Nasional Pulau Pinang sekiranya Barisan Nasional Pulau Pinang ikhlas. Kalau nak bayar 100%, bayarlah. Takut apa. Ini Kerajaan. Kita tak akan lari punya. Ini bukan bayar kepada Ah Chong, Ali ataupun Abu. Ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang Berhormat kata tadi tender untuk penjualan tanah ini dibuat kepada syarikat-syarikat. Kemudian salah satu syarikat ini masuk untuk Taman Manggis. Itu dia tender. Tapi Yang Amat Berhormat tawar pula kepada orang lain sedangkan syarikat yang pertama telah pun berjaya mendapat tender berkenaan. Tender terbuka. Yang kedua, syarikat yang telah mendapat tender ini telah pun menyelesaikan bayaran. Saya difahamkan penyelesaian tawaran ini dibayar pada tahun 2011 iaitu bulan Oktober. Makna setahun yang lalu. Tapi kenapa pemilikan milik ini tak diberikan. Sedangkan terlalu panjang dan lama masa. Dah setahun, tapi kenapa tak ada pemberian milik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Dua. Kita buat sedemikian kerana kita nak memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang dapat dipertahankan kerana ini adalah tanah rakyat. Kita mahu ia digunakan untuk tujuan yang ditetapkan iaitu membina hospital swasta. Selagi lesen tak diperolehi, kita tak mahu pindah milik kerana kita takut kalau pindah milik kita tak ada apa-apa hak untuk mendapat balik lagi. Itulah saya rasa sesuatu yang amat penting. Ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Dua. Kalau ada peluang lain kalilah untuk jadi Kerajaan. Mesti ingat, kalau ada peluanglah. Ini saya bagi hormat kepada Yang Berhormat Sungai Dua. Saya bukan nak mengejek. Saya mana tahu kalau Yang Berhormat Sungai Dua datang sebelah sini, mana tahu.

Saya cakap kalau ada peluang jadi Kerajaan...(gangguan). Kalau ada peluang jadi kerajaan. Ingat geran tanah ini, sebaik dikeluarkan kita susah, sukar sekali dapat balik. Tapi sebaik tak dikeluarkan kita berhak untuk pulangkan wang dan batalkan sebarang kontrak. Ini tak boleh dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah, kerana ini adalah hak mutlak Kerajaan Negeri.

So itulah sebabnya Kerajaan Negeri tak mahu keluarkan kerana semua syarat-syarat tak dipenuhi. Kalaupun dipenuhi, kalau Kerajaan Negeri tak mahu jual kita hanya bayar balik wang itu sudah. Itulah sebabnya Kerajaan Negeri tak bagi geran itu dan kita boleh jual. Kalau pihak lain kita tak akan layan. Tapi kerana ini BN Pulau Pinang. Pernah jadi Kerajaan Pulau Pinang 50 tahun, kita hormat, kerana pernah jadi Kerajaan 50 tahun, kita bagi keistimewaan. Sungguhpun dia tak bayar habis, kita cakap okey, kita boleh pulangkan, kita jual kepada BN Pulau Pinang. Tapi sungguhpun jual, BN Pulau Pinang hanya bayar 1%. Ingat 1% itu, 100% kah? Kalau dulu jadi Kerajaan bolehkah. Sekarang tak boleh la. Ikutlah undang-undang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Boleh tak tender satu, boleh tak tender tawar itu. Yang kedua sekiranya Kerajaan Negeri jual kepada BN. Setuju jual dan BN pun habis bayar. Apa yang akan jadi kepada syarikat yang dah beli tanah ini? Adakah Kerajaan Negeri sanggup bayar faedah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu kita akan uruskan kemudian. Biar kita satu persatu. Janganlah buat andaian. Barisan Nasional pun belum bayar lagi. Mengapa perlu buat andaian. Kalau kita buat andaian, bila BN tak bayar buang masa. So kita harap kalau betul-betul ikhlas, bayar habis. Janganlah cari alasan itu, ini menyatakan bahawa ini satu penipuan bila ia tidak timbul langsung. Dan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar pun tahu perbezaan di antara *debenture* dan *legal mortgage charge*. Itu perbezaan *fixed and floating charge*. Itu mungkin dia ingat itu *charge* ada hak milik strata. Itu bukan. Ini *debenture*. *Debenture* itu lain dengan *property charge*. Saya rasa kalau tak faham lagi tanya Yang Berhormat Dato' Speaker. Beliau seorang bekas *banker*. Beliau lagi fasih tentang perkara ini. Boleh bagi kuliah yang sepanjang masa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan sedikit Yang Berhormat Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini yang terakhirlah untuk Yang Berhormat Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya cuma nak tahu semasa tender ini dibuka, berapa syarikat yang menawarkan untuk membeli tanah ini, membida tanah ini.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak berapa ingat. Ada *four*. Nanti saya akan bagi maklumat terperinci. Kalau tak silap ada empat (4).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Empat (4) atau tiga (3)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Empat (4) kalau tak silap, saya akan dapatkan maklumat, kerana ini telah lama....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Antara lain Yang Amat Berhormat, saya difahamkan bahawa United Overseas Empire Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang didaftarkan hanya pada 12 Ogos 2009 sebagai satu pembida dan satu lagi pembida iaitu GN Health Care Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat yang dah *winding up* juga dimasukkan sebagai pembida dan adakah ini pembida olok-olok atau pembida-pembida yang mempunyai kesungguhan sebagainya. Saya nak *clarify* perkara ini sebab kita nak tahu sedemikian. Adakah ianya berlaku wayang... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya. Ini lah empat (4), GN Health Care, United Overseas Empire, KLIDC dan Ranting Setia Sdn. Bhd. Ada empat (4) pembida. Yang ini kita buat secara tender terbuka. Kita iklan dalam laman web e-Perolehan, surat khabar The Star dan Sinar Harian. Ini yang dibuat oleh jawatankuasa tender yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' SUK. Pilih harga paling tinggi. Itu sahaja. Kalau Yang Berhormat Seberang Jaya masih berminat bagi harga tinggi, kita bukan terus jual kepada Yang Berhormat Seberang Jaya. Tak jadi hal. So, itulah keistimewaan tender terbuka. Kita tak pilih bulu. So, saya rasa tak timbul masalah pun.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya cuma nak minta penjelasan sedikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Last, last.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Last. Adakah Kerajaan Negeri sebenarnya setuju nak jual kat BN kalau BN bayar habis. Itu sahaja. BN bayar habis, itu saja, okey BN bayar habis, jual pada BN. Saya cuma nak dapat *clearance*. Itu sahaja. Nak jual ke tak jual. Terus boleh keluar geran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita pun sudah letak dalam surat dan bagi lanjutan masa. Sungguhpun tak rayu langsung untuk lanjutan masa kita pun telah bagi. Tapi kita pun tak faham mengapa ada wang, tak mahu bayar. Dan saya pun nak tahu mana wang itu datang. Mana wang itu datang. RM22.4 juta. Mana wang itu datang. Adakah ini sebahagian RM40 juta yang bayar kepada Sabah UMNO?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kalau syarikat lain boleh diberi tempoh sampai lima (5) tahun, sepuluh (10) tahun. Kenapa kes ini tak boleh beri tempoh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kerana ini adalah satu keistimewaan. Kerana ini BN Pulau Pinang. Ini terus kepada BN Pulau Pinang, terus kepada pemberimilikan, terus tanpa *stamp duty*. Jimat habis. So itu hanya khusus kerana BN Pulau Pinang sudah menjadi Kerajaan 50 tahun. Kalau itu pihak-pihak lain tak ada peluang langsung. So, di sini kita lihat mana itu wang. Mungkin Yang Berhormat Sungai Dua pun boleh jawab sumber wang itu datang dari mana. Adakah ia datang daripada Hong Kong ataupun daripada Sabahkah? Atau pun daripada mana-mana pihak. Mana wang itu datang dan mengapa masa BN jadi Kerajaan tak ada wang seperti ini. Tapi bila jadi pembangkang banyak wang. Sekarang sana sini tabur, sana sini hulurkan, wau! banyak wang itu sebab saya rasa untuk kepentingan rakyat Pulau Pinang lebih baik Barisan Nasional terus jadi pembangkang. Kita semua lebih senang, sebelum ini mana ada kemampuan sumber yang begitu banyak ini, hanya sekarang bila menjadi pembangkang ini macam boleh lawan dengan Kerajaan Negeri dengan jumlah wang yang telah ditaburkan di sana sini.

Y.B. Dato' Speaker, peruntukan sebanyak RM3.6 juta diperuntukkan hanya untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan bagi 1,343 unit buah kuarters Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang daripada jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan untuk 756 unit kuarters Kerajaan Negeri di Daerah Timur Laut sahaja. Peruntukan ini disediakan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang sentiasa memastikan

bukan sahaja kebajikan rakyat Pulau Pinang secara umumnya dan turut memberi pertimbangan kepada penjawat awam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Y.B. daripada Pengkalan Kota juga membangkitkan persoalan tentang pelaksanaan e-Kerajaan dan juga tentang perkembangan terbaru *free WiFi* perlu disebutkan bahawa Kerajaan Negeri sedang memantapkan penerapan komputer dan juga internet *access* di peringkat jabatan Kerajaan Negeri dan ini melibatkan 1,550 *hotspot* yang telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan KADUN bagi parti-parti pembangkang. Berhubung dengan Taman Manggis saya sudah jawab tadi, saya tidak mahu jawab dengan lebih lanjut.

Hanya satu perkara tentang projek Taman Makmor Jaya Lot 1470 ialah pemaju projek Tetuan Heap Hoe Seng. Lot asal 8470 Mukim 12 Daerah Barat Daya, lot ini telah pecah sempadan pada 11 Lot baru iaitu Lot 8765 hingga 8775 kesemua lot kedudukannya adalah berdampingan antara satu sama lain kecuali di Lot 8775. Kedudukan Llot 8775 adalah terasing, di mana ianya dipisahkan oleh jalan laluan dengan lot-lot lain. Permohonan hak milik strata telah pertama kali dikemukakan oleh pemohon pada tahun 1996, tetapi permohonan tersebut ditolak kerana tidak memenuhi syarat untuk kelulusan, syarat kelulusan ialah bangunan hendaklah didirikan di dalam satu sempadan lot, dalam kes ini bangunan telah didirikan di dalam 10 Lot berasingan, iaitu lot 8765 hingga 8774 bagi membolehkan pengeluaran hak milik strata, tuan tanah telah mengambil tindakan mencantumkan lot-lot tanah yang terlibat. Lot-lot yang dicantumkan ialah Lot 876 hingga 8774 menjadi lot baru iaitu Lot 17081. Lot 8775 tidak terlibat dalam cantuman ini memandangkan lot tersebut telah dipisahkan oleh jalan laluan.

Selepas selesai proses cantuman pemohon telah kemukakan permohonan strata kali kedua pada 7 Oktober 2010, nyatalah diluluskan pada 7 Februari 2011. Hak milik stara telah didaftarkan pada 14 November 2011 nyatalah diserahkan kepada pemaju pada 19 Disember 2011. Lot 8775 tidak menjadi sebahagian daripada skim strata berkenaan, kemungkinannya lot tersebut digunakan oleh penduduk skim strata berkenaan untuk tempat letak kereta, ditegaskan di sini lot berkenaan tidak pada bila-bila menjadi harta benda bersama skim strata berkenaan, pemaju telah menjualkan Lot 8775 kepada individu lain, penjualan tersebut tidak menyalahi Undang-Undang dan Peraturan Tanah kerana status tanah adalah *first grade* dan tidak ada apa-apa sekatan penjualan yang tercatat di dalam serahan hak milik.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Seberang Jaya telah menimbulkan persoalan mengenai projek swasta di Batu Kawan, yang didakwa bernilai RM70 juta untuk Design Automotive Lighting (ALMA) yang lebih dikenali sebagai (MAL) merupakan sebuah Syarikat Multinational Corporation (MNC)

yang sedang beroperasi di sebuah *facility* bersaiz 11,000 meter persegi yang disewa dari Robert Bosch di Bayan Lepas fasa 4. Perlu ditegaskan secara ringkas bahawa 11 Oktober 2011 MAL telah mengemukakan permohonan untuk membeli lot 306 seluas 14 ekar di Batu Kawan Industrial Park dan Penang Development Corporation (PDC) telah mengemukakan tawaran kepada MAL, walau bagaimanapun melalui surat 13 Januari 2012 MAL telah memberikan maklum balas kepada PDC bahawa pihaknya tidak berminat membeli secara terus lot tersebut yang ditawarkan, sebab ini dikemukakan cadangan supaya projek berkenaan dibangunkan secara *built and lease* melalui pihak ketiga di mana Syarikat Daya CNP Sdn. Bhd dilantik untuk membina *facility*, yang saya dimaklumkan syarikat tersebut mempunyai hubungan perniagaan secara global dengan semua syarikat-syarikat Automotive yang terkenal dan ternama seperti Mercedes Benz, Mazda, BMW, Ford, Audi, Toyota, Proton dan lain-lain.

Bagi tempoh tiga tahun nilai pelaburan MAL ialah RM81 juta melibatkan jumlah pekerja 913 orang dan ini adalah satu syarikat yang kita kehendaki, oleh sebab itu bila mereka telah meletakkan satu syarat dan ini pun telah disokong juga oleh MIDA bahawa mereka mahu bangunan itu dibina oleh syarikat pilihan dia dan itu kita menerima syaratnya kerana memang itulah syarikat yang kita mahu tarik bukan sahaja ke Pulau Pinang tetapi, ke Malaysia. Satu lagi perkara yang saya hendak sebut sebelum saya habiskan ucapan saya dan saya lihat di situ bahawa Y.B. Bayan Lepas tidak ada disini, saya ingin memberitahu kepada Y.B. Bayan Lepas bahawa Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif untuk mengenal pasti...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk' Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.A.B. Ketua Menteri, cuma berkenaan dengan Eco-tourism Theme Park, berkenaan dengan tidak dikenakan sebarang bayarankah? Jika ada penukaran kegunaan tanah di Eco-tourism Team Park, yang mungkin di dalam satu mesyuarat yang pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pernah mencadangkan supaya dikenakan satu premium tertentu di mana dalam mesyuarat tersebut juga Y.A.B. kata mungkin dapat dikecualikan

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa itu Taman Tema Escape di Telok Bahang, memang adalah sesuatu projek yang penting untuk Sektor Pelancongan Pulau Pinang dan bila Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menempatkan di Telok Bahang ia menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak mendiskriminasi di atas kawasan-kawasan pembangkang, memanipulasikan, tidak ada mendiskriminasi, tidak ada menupulasikan....(gangguan), biar saya habis dulu, duduk-duduklah biar saya habiskan dahulu, itulah sebabnya jelas sungguhpun kawasan yang dikuasai oleh Y.B. Telok Bahang kita letak juga kerana kita mahu kawasan di

situ rakyat boleh dapat peluang pekerjaan dan pada masa yang sama menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan. Ini satu projek yang besar, bukanlah satu projek yang kecil, kira-kira RM250 juta yang dilabur oleh pihak swasta dan perlu diingatkan bila sebut tentang itu *rezoning fees* kerana syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri amatlah ketat, kita tidak jual tanah, kerana tidak jual tanah dia tidak boleh cagar so, dia tidak boleh cagar tidak ada sumber pembiayaan dana, sebab itulah kita beri kelonggaran untuk kerana mereka sedia untuk mencari wang sendiri untuk membuat pelaburan yang begitu banyak dan saya rasa Y.B. Seberang Jaya pun setuju bukan senang dapat pelabur-pelabur untuk *theme park* dan kita telah tunggu lima puluh tahun pun tidak dapat *theme park* akhirnya di bawah Pakatan Rakyat boleh dapat *theme park*.

Saya rasa Y.B. Telok Bahang kena terima kasih kepada kerajaan negerilah kerana di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri atau Timbalan Ketua Menteri pun tidak dapat tarik sebuah taman bertema atau Theam Park ke Telok Bahang, tetapi sungguhpun menjadi pembangkang dapat kebaikan sedemikian rupa. Saya rasa macam ini terus jadi pembangkang pasti akan dapat lebih banyak faedah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasihlah, saya menerima baik cadangan baik, projek landskap ini, tetapi saya kira Y.A.B. Ketua Menteri pilih Telok Bahang ini kerana tempat ini paling sesuai, bukan kerana sayang kepada Telok Bahang, kerana sesuai jadi di Telok Bahang ini semua sudah ada Taman Hutan Lipur, kita ada Taman Negara di situ, tetapi yang kita persoalkan yang saya bimbang tentang *by viability* sebabnya tempat ini jauh, hendak pergi daripada Jambatan ke Telok Bahang dua (2) jam. Saya bimbang itu takut separuh jalan jem itu yang saya bimbang *thats was my concern*. Saya alu-alukan pelaburan yang baik, tetapi itulah...(gangguan)

YA.B. Ketua Menteri:

Baik, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

So, Y.A.B. Ketua Menteri jangan jadi macam *Tiger Park* sahaja terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, *Tiger Park* tidak ada so, tiada masalah, mana ada masalah *Tiger Park*, tidak ada langsung *Tiger Park* mana boleh jadi masalah so, di sini balik kepada *Escape Theme Park* saya rasa itu Y.B. Telok Bahang akhirnya pun bersetujulah. Memang itu satu projek yang memberikan manfaat kepada penduduk tempatan di mana kebanyakan yang kerja di sana adalah rakyat Telok Bahang, ini saya rasa kena ucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana atas usaha dan inisiatif beliau telah berjaya membuat satu projek yang besar yang tidak pernah dibuat selama lima puluh lima (55) tahun ini, saya rasa itu kalau hendak ucapkan terima kasih itu kepada Y.B. Dato' Speaker, tetapi nampaknya budi tidak dikenang tidak mengapa pula dicemuh dan dicaci dengan tuduhan-tuduhan liar bahawa beliau mempunyai kepentingan dalam projek ini. Saya ingin menyebut disini dengan mengatakan dengan setegas-tegasnya bahawa Y.B. Dato' Speaker tidak ada sebarang kepentingan peribadi di dalam projek ini, hanya kepentingan awam untuk memanfaatkan pengundi dan rakyat di Telok Bahang ada so. Saya harap Y.B. Telok Bahang bila sudah dapat kebaikan untuk rakyat janganlah, berikan sedikit nasihat kepada rakan-rakan janganlah buat tuduhan melulu dan liar terhadap Dato' Speaker ini tidak manis dan tidak baguslah ini jahat sekali.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.A.B. Ketua Menteri, Dato' Speaker dengan saya cukup baik dari dahulu hingga sekarang, Dato' Speaker sekarang ini dia sudah jadi jahat sedikit, kenapa baru-baru ini dia memberi ceramah di Telok Bahang dia hentam saya di kawasan Sungai Pinang tidak apalah kawan-kawan, okey lah terima kasih

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa macam ini kawan, ini betul-betul bunuh kawan, berikan nasihat sedikit kepada rakan-rakan dan janganlah buat tuduhan begitu liar, memang tidak ada sebarang kepentingan peribadi. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat kita berpegang teguh kepada prinsip integriti, memang kita semua bersih tetapi pihak pembangkang tidak percaya kita bersih kerana mungkin bila mereka jadi Kerajaan mereka tidak bersih, tapi kita memang bersih termasuk Dato' Speaker, mengapa buat tuduhan yang begitu jahat, tidak ada bukti langsung dan saya rasa itulah sesuatu yang saya harap Y.B. Telok Bahang bila lihat projek yang baik ini, tak apa saya tidak mahu jawapan. Saya hanya berikan harapan saya, berilah sedikit nasihat kepada rakan Y.B. Telok Bahang janganlah membuat tuduhan liar yang saya rasa beliau kena jawab kepada Tuhan dan sebelum ini mungkin kena jawab di mahkamah nanti..... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Dato' Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.A.B. Ketua Menteri, kita pula minta supaya janganlah ada lagi orang kaitkan dengan Y.A.B. Ketua Menteri dengan *Rainbow* dan sebagainya, kita anggapkan Yang Amat Berhormat bersih, jangan ada sebab ini mereka membawa dalam persidangan Melaka kita pun tidak mahu tengok Ketua Menteri kita ada masalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya juga rasa hampalah....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Itu di Melaka, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita macam itu, kita tidak mahu orang cakap macam itu.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa la hampa la kerana Yang Berhormat Seberang Jaya sekarang buat serangan peribadi, itu tak baik. *You are making a personal attack*. Bila itu tak berasas dan saya rasa itu bukan *standard* yang kita harapkan. Mungkin saya nak hadiahkan itu Yang Berhormat Seberang Jaya ungkapan ini kerana Yang Berhormat Seberang Jaya tahu bahasa Cina ... (cakap bahasa Cina), faham dak? Tahu macam mana ...(bahasa Cina), so jangan lah buat itu serangan peribadi macam ini kerana memang tahu itu tak benar, buat serangan peribadi bukan sahaja kepada saya pada isteri saya, kepada anak saya pun tak lepas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sebab itu saya kata ...(bahasa Cina)... maknanya saya cuba untuk melindungi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya jangan orang buat sebegitu, kita bersih ...(bahasa Cina) kan maknanya Yang Berhormat-Yang Berhormat bersih. Jadi kita tak usah bagi orang cakap lagi. Saya tutup topik.

Y.B. Dato' Speaker:

Seberang Jaya jangan membuat andaian...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau Yang Berhormat....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Dato, Speaker, kalau Yang Berhormat Seberang Jaya percaya saya bersih cakap la secara umum, bagilah nasihat kepada rakan-rakan. Kita bersih dan kita bersedia berdiri kerana kita tahu kita bersih, tapi jangan lah anggap bahawa mesti ikut cara lama tak ada. Dato' Speaker telah di tuduh, kalau salah pasti tindakan akan diambil tapi kalau tak salah, kalau di fitnah begitu jahat ini macam mana pulak? Saya rasa Yang Berhormat Telok Bahang lihat lah projek ini baik untuk rakyat tempatan. Tak mahu kenang budi tak apa, kita serah kepada Tuhan, tapi jangan pula cuba merosakkan atau pun menjejaskan imej dan nama baik Dato' Speaker sedemikian rupa. Dan sungguh pun tak dibuat oleh Yang Berhormat Telok Bahang, Yang Berhormat Telok Bahang pada masa itu dan bila itu Dato' Musa buat itu tuduhan, Yang Berhormat Telok Bahang ada di situ.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya ada di situ, tapi yang saya dengar dia tak tuduh dia cuma tanya. Jadi saya, saya ditanya. Mungkin berdasarkan sebab yang dia tanya itu, sebab Dato' Speaker dalam mesyuarat-mesyuarat ada sama, itu yang dia tanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dia tak tanya, dia cakap dia ada bukti. *What you don't, you were beside him how come you dont know.* Takkan nyanyuk, takkan Yang Berhormat nyanyuk. Tak adalah, saya tak mau dengar ini. Kalau kalau duduk duduk la ini tak patut la saya pun tak mau panjangkan perkara ini tapi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Benda ni telah difailkan di mahkamah Ketua Menteri jadi...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya. Baik saya pun tak mau cakap panjang, hanya saya hendak sebut dengan Yang Berhormat Bayan Lepas bila telah menimbulkan satu perkara yang saya tak jangka dikeluarkan sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang selama ini saya rasa bersikap terbuka. Bila beliau mempersoalkan mengenai *Penang Institute*. Mengapakah dari segi kakitangan tentang komposisi perkauman sungguh pun telah kita sebut bahawa CEO sekarang adalah Zairil Khir Johari seorang anak muda Melayu kalau nak sebut tentang perkauman kita boleh sebut tentang seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya harap di sini tolonglah jauhi diri dari sentimen perkauman yang penting ialah pilih seseorang berdasarkan kemampuan dan kebolehan. Dan saya terkejut bahawa Yang Berhormat Bayan Lepas cuba mainkan sentimen perkauman ini bila selama lima (5) tahun saya dengar ucapan dia, beliau jarang menimbulkan perkara-perkara sentimen perkauman. Tapi pada sesi terakhir tiba-tiba pula menimbulkan sentimen perkauman. Saya rasa itu adalah menghampakan untuk saya, kerana saya lihat beliau dalam sudut mata yang lain berbanding dengan semua ADUN-ADUN di sana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak ringkaskan saya punya ucapan dan saya akan berikan secara jawapan bertulis tentang soalan-soalan lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan saya hanya ingin menyebut di sini bahawa Bajet AES akan membolehkan warga Pulau Pinang khususnya orang miskin, golongan wanita, golongan belia mendapat atau berpeluang menikmati hidup bermaruah dalam sebuah Negeri tanpa rasuah dan juga yang menghormati hak-hak kebebasan mereka. Saya ingin meminta pihak pembangkang supaya janganlah menimbulkan isu-isu perkauman. Sungguh pun kedua-dua pihak adalah datang daripada satu kaum tetapi selalu disebutkan 'oh' kerana yang terlibat itu datang dari sesuatu kaum kita menindas kaum itu. Sungguh pun yang menjadi isu di antara dua kumpulan. Kedua-dua kumpulan datang dari kaum yang sama tapi selalunya digunakan sentimen perkauman termasuk tentu la kes-kes dan isu terbaru ini.

Usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kestabilan ekonomi dan suasana harmoni dalam Negeri Pulau Pinang akan diteruskan. Sungguh pun kita menghadapi cabaran dan juga usaha untuk mengganggu keharmonian ini daripada pihak tertentu baik daripada PERKASA yang didokong oleh kita tahu parti mana atau pun pendemonstrasi-pendemonstrasi upahan yang akan bertindak untuk memberikan satu imej yang buruk kepada Kerajaan Negeri. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya hanya ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan yang ini adalah kerana berkaitan dengan sentimen atau pun perasaan penganut-penganut Hindu menjelang Deepavali, saya harap bahawa Yang Berhormat Telok Bahang selaku pengerusi PP Penang Port Sdn. Bhd., boleh lah segera membina balik kuil Hindu kerana Yang Berhormat membuat kenyataan pada 23 hari bulan April tahun ini akan bina secepat mungkin. Kini sudah lepas enam (6) bulan saya mintak secara ikhlas la kini sudah lebih enam (6) bulan masih belum bina lagi tak kan nak tunggu selepas pilihan raya, jangan-jangan kalau Yang Berhormat tak dipilih sebagai calon, janji ini akan tinggal kosong saja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya dah cakap dah banyak kali dah di dalam Dewan ini, bahawa ini kes bukan biasa kes luar biasa kerana tempat yang kita tengok yang terlibatnya tempat yang cukup bahaya, tapi *anyway* perkara ini saya ingat dah sampai kepada peringkat akhir, kita dah bolehlah *start* ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Apa nama pihak PPC dah buat meeting dan baru selesai, so kita boleh *start* lah, secepat mungkin....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi dah lebih enam (6) bulan, 23 April buat kenyataan sehingga sekarang lebih 6 bulan tak kan kena bincang begitu lama tak ada satu tarikh pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Because macam yang saya kata tadi, tempat yang terlibat kalau tempat yang luar biasa, kita takut jadi kita adakan apa tokong ini dekat dengan... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kuil, kuil, bukan tokong kuil.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sorry kuil ini dia akan melibatkan masalah bahaya kepada orang ramai. Jadi kita cari tempat yang sesuai, kita dah kenal dah semua pihak dah setuju kita buat la tak ada masalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi pada 23 haribulan Yang Berhormat sendiri menyatakan tempat yang sesuai sudah dikenal pasti dan pembinaan akan dibuat tak lama lagi. Mengapa? Yang saya bimbang ialah jangan-jangan bila kita jumpa balik lagi masih tak akan dibina. Apakah komitmen boleh tolong berikan tarikh bila akan dibina.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Hal Agama ni saya bagi perhatian, hal-hal Agama mana-mana pun saya bagi perhatian jadi tak ada masalah. So okey, Ketua Menteri nak buatkah? Nak buat saya serah, tanah dah ada...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang ini saya kena mintak Yang Berhormat Telok Bahang, ini yang kita harap perkara ini selesai ,supaya kita tak perlu timbulkan perkara ini lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Okey *please*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau tidak tiap-tiap kali kita kena timbulkan perkara ini...(gangguan)
Okey baik terima kasih. Tadi saya sebut tentang....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Cuma saya nak mintak satu pada 2hb. Mei yang lalu Yang Amat Berhormat ada bagi janji kat saya, kata nak bagi surat Jabatan Penilaian berkenaan dengan tanah di Bayan Mutiara, tapi sampai sekarang saya tak dapat. Ada janji dalam hansard 2hb. Mei yang lalu. Ada janji buka hansard.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu Bayan Mutiara apa itu tentang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Surat daripada Jabatan Penilaian yang untuk membuat penilaian....
(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Untuk Bayan Mutiara.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bayan Mutiara. Daripada sidang lepas sudah sampai sekarang yang sudah enam (6) bulan lebih masih tak dapat, tak bagi lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak bagi. Ini pasti akan bagi, saya mintak. Mengapa tak bagi, boleh *check* kah *you* punya beg tak?.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak dak beg, tak ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mungkin beg letak terlalu banyak perkara lain.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak dak tak pernah dapat, tak pernah dapat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey baik, saya pasti hari ini pasti akan diserahkan kepada Yang Berhormat. Baik sebelum kita menangguhkan Dewan ini. So yang terakhir Dato' Yang di-Pertua ialah seperti yang saya sebut tadi, peralihan atau pun peralihan kuasa di dua (2) buah negara Amerika Syarikat dan China. Negara China pun menjalankan proses peralihan kepimpinan baru dengan perakuan terbuka bahawa amalan rasuah adalah ancaman terbesar kepada ekonomi Negara. Sehingga Perdana Menteri sendiri sedia disiasat tentang dakwaan akhbar asing berkenaan dengan hartanah peribadi dia. Langkah tegas mereka Pemimpin Negara China menyatakan langkah tegas akan diambil ke atas semua tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Tak kira mereka adalah pemimpin tertinggi atau tidak sama ada mereka melakukan jenayah ke atas warga negara tempatan atau pun warga asing. Kita harap Malaysia pun boleh sama-sama tegas kerana sama dengan Negara China amalan rasuah adalah ancaman yang paling utama.

Oleh sebab itu, saya nak mengakhiri dengan mencadangkan enam (6) langkah integriti. Enam (6) langkah integriti untuk menghadapi ancaman terbesar rasuah ini. Di Negara China President Hu Jintao beliau dengan secara terbuka menyatakan kalau ancaman rasuah tak di bendung bukan sahaja Parti Komunis China akan rapuh, Negara China pun akan hancur. Kita tidak lihat ketegasan sedemikian di Malaysia. Oleh sebab itu, saya nak mencadangkan enam (6) langkah integriti:

Pertama, amalkan sistem tender terbuka secara kompetitif;

Kedua, isytiharkan semua harta benda pemimpin pentadbiran secara terbuka;

Ketiga, umumkan kepada orang awam semua kontrak-kontrak kerajaan dengan syarikat swasta;

Keempat, melarang pemimpin-pemimpin daripada menjalankan kehidupan mewah seperti mengadakan jamuan kahwin melibatkan orang 130, 000 orang;

Kelima, mengharamkan ahli-ahli keluarga daripada berurusan dengan kerajaan dan yang;

Keenam, mestilah memberikan penjelasan penuh supaya rakyat tahu sumber bersih derma-derma politik supaya kita tak perlu mengetahuinya hanya apabila seseorang tertangkap di Negara-negara luar oleh Kastam-kastam atau pun Pihak Berkuasa Negeri-Negeri Luar.

Enam (6) langkah ini Dato' Yang di-Pertua saya percaya bukan sahaja menyelamatkan Malaysia dan juga Pulau Pinang tetapi akan menggerakkan pembangunan ekonomi. Saya sekali lagi saya mohon menyokong bahawa Agenda Ekonomi Saksama dapatlah memberikan tempat, memastikan peluang yang saksama kepada rakyat Pulau Pinang khususnya mereka yang memerlukan bantuan, marilah kita sama-sama di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menjadi Pulau Pinang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Puyu nak minta bagi penggulungan, saya bagi 10 minit boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker terlebih dahulu saya ingin mengucapkan salam Maal Hijrah kepada semua umat Islam di Negeri Pulau Pinang dan selamat menyambut Deepavali kepada semua rakyat beragama Hindu. Izinkan saya untuk mengucap ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan komitmen dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 yang melibat Portfolio MMK Kebajikan, Kesihatan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang diamanahkan pada saya. Saya ucapkan ribuan terima kasih...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Mintak penjelasan Y.B. Sungai Puyu, Y.B. saya selalu tengok bila Y.B. bangun untuk berhujah bagi penjelasan semua barisan pembangkang hilang begitu. Boleh Yang Berhormat bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya juga ingin ucapkan ribuan terima kasih daripada rakan-rakan saya yang telah menjawab soalan bagi pihak saya, khususnya dalam kebajikan. Ada satu yang saya hendak sentuh di sini ialah bahawanya soalan ibu tunggal memang ibu tunggal pada kini, kami telah ambil perhatian dan kami telah membuat beberapa program untuk bukan haknya, bukan bagi peluang kewangan, tetapi bagi dia peluang kerja.

Daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Pasir berkenaan dengan golongan gelandangan, memang ini ada satu soalan yang selalu terdesak kepada Negeri Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang adalah satu pelabuhan di mana banyak menarik minat ramai orang, tetapi soalan yang amat penting di sini adalah soalan daripada golongan pelarian politik daripada Myanmar iaitu Rohingya. Ini ada satu soalan yang bukan wujud pada kini tetapi begitu lama dan saya amat hairan mengapa Kerajaan Pusat sehingga kini tidak ambil tindakan-tindakan diplomasi untuk mengatasi masalah ini. Ini memang saya rasa amat kecewalah, walaupun saya telah minta (UNHCR) United Nations High Commissioner for Refugees berbincang, berucap beberapa kali dan membuat rayuan tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan daripada Kerajaan Pusat.

Selain daripada itu kami juga ada minta satu pusat untuk "Jaya Diri" di SPS, tanah itu di serah kepada Kerajaan Pusat sejak tahun 2003 sehingga kini pun belum, tetapi perhubungan saya dengan pegawai-pegawai tertentu, merekalah telah berjanji dengan saya bahawa tahun depan 2013 akan bagi satu lagi peruntukan RM30 juta untuk membina pusat itu untuk anak-anak tempatan. Tetapi walaupun kami menyelesaikan masalah anak tempatan, masalah Rohingya ini pun belum dapat diatasi.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat Pulau Betong, berkenaan dengan ribut dan banjir satu tuduhan bahawa Kerajaan Negeri pada hari itu kami ada masalah ribut, kami beri bantuan kepada penyokong-penyokong PKR, ini tidak patutlah, ini tidak patut, kerana dalam ucapan anda, Yang Berhormat mengatakan dalam ucapan anda ada dua (2) kali ribut, tetapi saya amat kecewalah sebagai anak tempatan ADUN kawasan sana ada tiga (3) ribut, tetapi dia kata dua (2) sahaja dan saya amat dukacita bahawa pada hari itu memang Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong memang dia tahu.

Dia tahu bahawasanya ada satu perbincangan antara pejabat Daerah dengan ICU, ICU kata sapu habis, nak bina, nak bagi bantuan, bagi bantuan semualah dan ADUN kawasan juga bawa satu kontraktor turun padang, turun padanglah, tetapi kami juga bagi bantuan, bantuan bencana kepada mereka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Y.B. Sungai Puyu, penjelasan. Saya menyentuh dua (2), saya hanya merujuk kepada dua (2), tidak sebut tiga (3) atau empat (4), banyak berlaku tetapi menyebut dua (2) kali, okey, yang pertama itu 32 buah rumah, memang enam (6) buah rumah dibuat, saya semak angka enam (6) daripada siapa? Daripada Pegawai Pejabat Daerah, dia kata Kerajaan Negeri dibuat enam (6) rumah yang lain semua Kerajaan Pusat yang buat. Persoalannya kenapa hari itu turun, tidak buat semua sekali, kenapa buat enam (6) rumah sahaja. Yang keduanya kenapa berlaku 22 rumah, kenapa tidak ada satu (1) rumah pun yang dibuat. Bantuan kewangan saya tahu, sebut sahaja bantuan kewangan itu saya tahu, tetapi bantuan rumah itu kenapa tidak diberi dan diperbaiki.

Yang kedua, kali kedua berlaku kenapa satu rumah pun tidak dibaiki, itu soalan saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Bila *you* tahu jawapan, dalam hati mengapa lagi hendak soal, ini malu bukan diri sendiri, iaitu kata pada 1hb. Mac memang ada ribut, 23 Mei ada ribut dan 19 Oktober ada ribut. Di sini adalah senarai-senarai yang rumah-rumah kami kenal pasti di mana ICU telah memohon bahawa mereka hendak membaiki rumah itu, dalam perbincangan *you* sudah tahu, kami telah sediakan RM1.25 million untuk membuat baiki. Tetapi apabila ICU kerana hendak menghadapi Pilihan Raya Ke-13, mereka lagi cepatkan kerja di sanalah, *is political, not social* Y.B. Dato' Speaker, *political* di mana mengapa tahun 2011 tidak begitu minat, 2010 tidak begitu minat, 2012 minat dia hendak sapu habis.

Y.B. Dato' Speaker, ini menunjukkan bahawanya Barisan Nasional apabila mereka buat apa-apa mereka adalah atas kepentingan diri sendiri dan ada untuk memanfaatkan kepada Barisan Nasional sahaja, bukan rakyat. Kalau mahu dia kena konsisten, ICU kena konsisten. Di sini ada data-data semua untuk tahun 2012 dan saya ada kata tiga (3) kali, bukan dua (2) kali, kerana ADUN tidak tahu bencana di mana orang kesusahan, kalau dia tidak tahu, amat malulah.

Sungai Aceh telah mempersoalkan mengapa ada program penghargaan warga emas, disyaratkan untuk apa, untuk haknya pengundi-pengundi di Negeri Pulau Pinang. Dia mempersoalkan, walhalnya macam

Pusat tidak kira pengundi atau tidak. Saya hendak bagi tahu, dalam semua sistem mesti ada satu kawalan, itulah satu kawalan, kerana kami hendak menjawab kepada Audit Department, macam mana kriteria dipilih, tetapi kriteria mereka dipilih kena ikut pentadbiran, jika hendak berbanding Y.B. Dato' Speaker, di mana BR1M mengapa, BR1M mereka beri RM500.00. Ada orang yang tidak lebih pendapatan RM3,000.00 baru boleh dapat, tetapi disyaratkan untuk apa, untuk disemak oleh siapa, oleh *income tax*, pada hari ada orang yang menerima RM500.00 itu dia kena bayar beribu-ribu kerana *you* tidak *submit you* punya *income tax*, di mana ramai orang-orang miskin dia punya pendapatan tidak lebih RM3,000.00 mereka tidak payah bayar *income tax* dan apabila mereka tidak membayar *income tax*, mereka ingat saya tidak payah bayar kerana kurang daripada RM3,000.00, apa saya buat, saya tidak *submit* lah. Tidak *submit*, bila sekarang *you* tidak *submit* kepada *income tax*, itu sudah menjadi satu kesalahan dan didenda di sana. Itulah yang terjadi. Tetapi apabila kami mengatakan hendak bagi, bagi keseluruhan tanpa apa-apa syarat. Selain daripada syarat kawalan adakah *you* berhak untuk menerima, di sini kami di Pulau Pinang kami buat apa, kami buat pengundi-pengundi sahaja.

Y.B. Dato' Speaker:

Lagi dua (2) minit lagi Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Boleh, kalau dua (2) minit saya tidak akan sentuh yang lain. Apa yang saya tidak dapat menjawab saya akan jawab melalui bertulis. Ada satu (1) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Dua, dia lari dirilah kerana saya sudah berdiri, saya naik dia lari diri. Dia ada sentuh bahawa mengapa Kerajaan Negeri di sebelah tangan kata tidak boleh bagi plastik bag percuma, nak *charge* RM0.20, pada halnya kalau kena syarat kepada orang, semua sampah sarap itu kena dibungkus dengan plastik bag, itu apa, dia sudah kemungkinan, saya tidak mahu buat satu tuduhan, tetapi bila saya panggil dia nyanyuk dia kata saya tarik balik. Kalau saya tarik balik, saya kena tarik balik itu dia kata saya nyanyuklah Y.B. Dato' Speaker.

Apa yang terjadi adalah itu dasar siapa, itu dasar Barisan Nasional, Barisan Nasional mewujudkan dasar ini Y.B. Dato' Speaker dan mereka tidak ada lain, tidak ada lain, dia bagi satu keadaan sejak 90-an Y.B. Dato' Speaker, merosakkan sistem kutipan sampah sarap. *They have got writer as a master plan* 90-an, di mana pihak MPPP dan MPSP tidak boleh masuk tenaga kerja, *cannot have new replacement of workers*, tidak boleh beli alatan supaya merosakkan sistem kerana mereka hendak buat apa. Mereka kehendak penswastaaan *solidwaste management, we have to got master design* daripada 90-an begitu. Berbanding dengan Kerajaan Negeri kerana apabila kata No

Free Plastic Bag Day kami jalan dan siapa ikut Kerajaan Pusat ikut, kalau kami sudah buat silap mengapa hendak ikut, mengapa hendak ikut. Jadi Y.B. Dato' Speaker ada banyak kalau hendak sentuh satu (1) hari, tiga (3) malam tidak habis.

Saya ambil Y.B. Dato' Speaker, saya ambil hendak ringkaskan di sini. Saya ucapkan ribuan terima kasih daripada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang pada tahun penggal saya, yang bagi nasihat, bantuan supaya kami dapat wujudkan satu sistem kerja yang begitu cemerlang. Dengan ini Y.B. Dato' Speaker saya memohon menyokong.

Y.B. Dato' Spekaer:

Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2013 dibacakan bagi kali Yang Kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

“Ya,” lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Setiausaha:

Jadual.

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.01 - Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM129,013,692.00.

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM129,013,692.00 untuk Kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.02 Pejabat Tanah dan Galian RM8,430,150.00.

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,430,150.00 untuk Kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.03 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut RM 6,578,630.00.

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,578,630.00 untuk Kepala B.03 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.04 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya RM6,079,340.00.

"Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,079,340.00 untuk Kepala B.04 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.05 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara
RM6,810,700.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,810,700.00 untuk Kepala B.05 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.06 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah
RM6,432,160.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,432,160.00 untuk Kepala B.06 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.07 Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan
RM5,275,560.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,275,560.00 untuk Kepala B.07 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.08 - Jabatan Pengairan dan Saliran RM31,582,270.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM31,582,270.00 untuk Kepala B.08 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.09 - Jabatan Perhutanan RM3,328,230.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,328,230.00 untuk Kepala B.09 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.10 - Jabatan Taman Botani RM4,034,150.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,034,150.00 untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.12 - Jabatan Kerja Raya - RM32,165,868.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM32,165,868.00 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.13 - Jabatan Hal Ehwal Agama RM15,745,450.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM15,745,450.00 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.14 Jabatan Kebajikan Masyarakat RM6,988,990.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM6,988,990.00 untuk Kepala B. 14, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.15 Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM3,612,830.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,612,830.00 untuk Kepala B.15, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.16 Jabatan Kewangan Negeri RM648,942,490.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM648,942,490.00 untuk Kepala B.16, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM5,542,470.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,542,470.00 untuk Kepala B.17, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.18 Jabatan Pertanian RM7,703,350.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,703,350.00 untuk Kepala B. 18, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.19 Jabatan Mufti RM2,305,080.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,305,080.00 untuk Kepala B. 19, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.20 Jabatan Kehakiman Syariah RM5,574,040.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,574,040.00 untuk Kepala B. 20, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

Fasal 1.

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

Fasal 2.

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2013, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan. Ahli yang bersetuju katakan "Ya." yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya," lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen Perbekalan Tahun 2013, Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini meluluskan Perbelanjaan sebanyak RM363,385,531.00 yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2013, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2012 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2013 itu, dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya." lebih banyak usul dipersetujui.

Setiausaha:

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan menetapkan supaya cadangan pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan pada 8hb. Mei 2012 ditangguhkan ke suatu masa yang akan datang bagi membolehkan kajian menyeluruh terhadap peraturan-peraturan sedia ada.

Y.B. Dato' Speaker:

Sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berbunyi seperti berikut:-

"Bahawa Dewan menetapkan supaya cadangan pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan pada 8 Mei 2012 ditangguhkan ke suatu masa yang akan datang bagi membolehkan kajian menyeluruh terhadap peraturan-peraturan sedia ada. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya." lebih banyak, usul dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat. *Insyallah* saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli KADUN dan juga Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri yang telah memberi kerjasama sepanjang Dewan Persidangan sejak 2008 hingga 2012 dan untuk itu saya ucapkan terima kasih. Saya nak ucapkan semoga berjaya dan kita jumpa lagi dalam Penggal yang akan datang. Dewan ditangguhkan sehingga ke satu (1) tarikh yang akan diberitahu kelak.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.